



Kerajaan perkasa penjaja,
peniaga kecil

>> 3



KL City berjuang hingga
wisel penamat

>> 9, 10 & 11



Badut
Mat Cun
penghibur
warga
Putrajaya

>> 22

wilayah Ku

MEDIA WARGA KOTA

● BIL 188 ● 28 OKTOBER - 3 NOVEMBER 2022 ● PP19441/12/2018 (035014) PERCUMA

www.wilayahku.com.my



wilayahku.com.my



Wilayahku



@akhbarwilayahku



Wilayahku



WK TV



Pelan Tindakan Pembangunan 2030 Gemilangkan semula Labuan

STATUS sebagai pusat kewangan luar pesisir sejak tahun 1990 serta terlibat secara langsung dalam industri minyak dan gas telah melonjakkan nama Wilayah Persekutuan Labuan suatu ketika dahulu.

Namun akibat kegawatan

ekonomi serta ditambah dengan pandemik COVID-19 yang membadi dunia termasuk Malaysia, ia telah menjadikan Labuan semakin kurang berdaya saing sehingga banyak perancangan kerajaan untuk merangsang kegiatan ekonominya bergerak

perlahan sehingga menambahkan derita Pulau Bebas Cukai itu. Melalui pelancaran Pelan Tindakan Pembangunan Labuan atau Labuan Development Blueprint (LDB) 2030, lima hala tuju utama telah digariskan serta menjadi panduan bagi memastikan

pembangunan dan kemajuan Labuan berada di landasan tepat sekali gus memacu semula potensi ekonomi sedia ada dan dalam masa sama membangunkan Labuan sebagai destinasi pelancongan terkemuka di rantau ini.

LAGI BERITA DI MUKA 2

Lima hala tuju utama pemangkin kegemilangan Labuan

LDB 2030: Landasan kukuh bangunkan pelbagai cabang ekonomi baharu di Labuan



ANALISIS BAJET
AZLAN ZAMBRY

KEGEMILANGAN Wilayah Persekutuan Labuan yang sebelum ini suram bakal dijana semula melalui Pelan Tindakan Pembangunan Labuan atau Labuan Development Blueprint (LDB) 2030 yang dilancarkan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Melalui LDB2030, kerajaan telah meletakkan matlamat jelas untuk mengembalikan semula kegemilangan Labuan yang sebelum ini dikenali sebagai pusat kewangan pesisir dengan pelbagai aktiviti ekonomi yang mampu meningkatkan taraf kehidupan warganya.

LDB2030 yang dilancarkan ketika Majlis Amanat Jelajah Keluarga Malaysia peringkat Wilayah Persekutuan Labuan Ahad lalu mempunyai lima komponen utama yang bakal memberi nafas baharu serta bakal menjana aktiviti ekonomi di kawasan itu.

Sebagai sebuah pusat perkhidmatan kewangan luar pesisir rantau ini, LDB2030 akan mengukuhkan

lagi sektor tersebut melalui pelan transformasi dan rasionalisasi yang sedang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Perkhidmatan Kewangan (FSA) Labuan sebagai agensi peneraju bagi mengembangkan sektor perkhidmatan kewangan sebagai penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negeri.

Pelan tindakan itu juga akan memantapkan sektor minyak dan gas yang menjadi penjana penting pertumbuhan ekonomi melalui pelaksanaan hab sektor minyak dan gas di Labuan bagi menyokong aktiviti industri ini.

Selanjutnya, LDB2030 juga akan memantapkan sektor pelancongan melalui tindakan jangka pendek, sederhana dan panjang menerusi produk pelancongan berpotensi berteraskan komuniti, teknologi, sumberjaya dan acara.

Ia juga akan menjadikan sektor pendidikan dan perkhidmatan awam tumpuan utama program pembangunan bagi memantapkan modal insan dan menggalakkan integrasi nasional melalui institusi pendidikan dan agensi kerajaan di Labuan.

Kelima-lima hala tuju yang terkandung dalam LDB2030 dijadikan panduan untuk merealisasikan hasrat warga Labuan yang terpaksa



PELAN TINDAKAN PEMBANGUNAN LABUAN (LBD) 2030 YANG MELIPUTI LIMA HALA TUJU UTAMA BAKAL MELONJAKKAN KEMBALI AKTIVITI EKONOMI SERTA MENYOKONG PERTUMBUHAN SEKTOR PELANCONGAN BAGI KEPELBAGAIAN SUMBER EKONOMI BAHARU.

bertahan di dalam ketidaktentuan ekonomi sejak sekian lama.

Pelan tindakan tersebut juga mengenal pasti projek-projek boleh dilaksanakan segera sehingga tahun 2030 melibatkan lima projek segera, 23 projek jangka pendek, 24 projek jangka sederhana dan jangka panjang.

Berdasarkan status pembangunan projek fizikal, 22 projek dikenal pasti selaras dengan pelan tinda-

kan dan menaik taraf bekalan air di Labuan dengan lapan buah projek dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Labuan pada tahun 2022. Ia termasuklah projek-projek menaik taraf Loji Rawatan Air (LRA) Kinabuela dan Kampung Lawa, Beaufort Sabah, pembinaan tangki di kawasan Lajau dan Ganggarak, menaik taraf projek paip kawasan di Jalan Bebuloh dan Jalan Mohd Salleh, Program Pengurangan Air Tidak Berhasil (NRW) dan penggantian paip pumping dari Pulau Enoe.

Perdana Menteri turut menegaskan bahawa projek pembinaan Jambatan Labuan-Menumbok tidak pernah ditarik balik dan telah beberapa kali dibincangkan di peringkat kabinet dan meneliti bagaimana formula pelaksanaannya yang bakal melibatkan penyertaan pihak swasta kerana kos pembinaannya yang tinggi.

Pastinya, inilah harapan dan pemain industri di Labuan. Inisiatif yang dinyatakan itu tidak bersifat ‘panadol’ bahkan ia mampu merawat Labuan untuk tampil lebih gemilang dengan segala potensi yang dimilikinya menjelang tahun 2030. **WK**

NGO perniagaan sambut baik LDB2030

BEBERAPA Dewan Perniagaan di Labuan menyambut baik Pelan Tindakan Pembangunan Labuan (LDB) 2030 yang dilihat mampu mengukuh dan mempelbagaikan kegiatan ekonomi di Pulau Bebas Cukai itu.

Inisiatif yang diumumkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob pada Majlis Amanat Keluarga Malaysia di Labuan dilihat mempunyai resipi yang lengkap dalam menyediakan landasan pemulihan Labuan yang sebelum ini suram akibat kegawatan ekonomi dan pandemik COVID-19.

Menurut Pengurus Dewan Perniagaan dan Perusahaan India Labuan, **Datuk Dhalif Singh**, pihaknya menyambut baik terhadap inisiatif yang diumumkan oleh Perdana Menteri kerana ia mampu meningkatkan semula pembangunan ekonomi pulau ini.



DHALIF SINGH



PAUL IPOH

juga amat yakin bahawa usaha itu mampu meningkatkan lagi pembangunan ekonomi Labuan menerusi kepelbagaian kegiatan ekonomi di pulau ini untuk tidak hanya bergantung kepada sektor minyak dan gas,” katanya kepada *Wilayahku*, baru-baru ini.

LAGI GAMBAR DAN BERITA DI MUKA 13 & 19

Jelas Dhalif, pengumuman untuk menyelesaikan masalah air juga amat dialu-alukan memandangkan ia mengundang masalah untuk pemain industri.

“Saya pasti kerajaan akan membelanjakan duit yang banyak dan ia akan memanfaatkan semua golongan termasuk penduduk dan pemain industri,” katanya.

Selain itu, Pengurus Dewan Perniagaan dan Perindustrian

Kadazan Dusun Labuan, **Paul Ipoh** berkata inisiatif LDB2030 itu merupakan tindakan yang amat diperlukan untuk mengembangkan semula ekonomi dan pembangunan di pulau ini.

Jelasnya, usaha untuk mempelbagaikan kegiatan ekonomi di Labuan adalah usaha yang amat baik kepada penduduk setempat khususnya yang mana ketika ini hanya bergantung kepada sektor minyak dan gas.

“Ini merupakan pelan tindakan yang amat baik ke Labuan pada masa panjang kerana ia memfokuskan untuk mewujudkan pelbagai kegiatan ekonomi seperti sektor pendidikan dan pelancongan.

“Demi meningkatkan ekonomi pulau ini, kami di Dewan Perniagaan dan Perindustrian Kadazan Dusun amat menyokong dengan pelan tindakan pembangunan ekonomi ini demi kesejahteraan penduduk Labuan khususnya,” katanya.

Beliau berkata pengumuman mengenai projek-projek yang bersifat segera juga menunjukkan keprihatinan kerajaan untuk merancakkan semula ekonomi Labuan.

“Projek ini adalah pembangunan projek fizikal yang akan dibangunkan secara berfasa,” katanya. **WK**

DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR JABATAN PEMERIKSAAN DAN PEMBANGUNAN PERNIAGAAN NOTIS PEMOHONAN				
LESEN SEMENYERAH BAZAR RAMADHAN DAN TAHARU 2022/2023 HURIAH				
AKTIVITI	PERMOHONAN LESEN SEMENYERAH BAZAR RAMADHAN DAN TAHARU 2022			
LAWATI LIMAAN SESIAWANG	https://ylexis.skl.gov.my			
1.8. LOKAASI BAZAR DI BAWAH SELIAH DIRI				
No.	Kategori Bazar	LOKAISI	JENIS BAZAR DIRI	SAIZ HIASAN (MAKS PERMISI)
1.	BALAYAN KOLEKTIF	LORONG TUNKU RIBAHLI, RAJAHAN	MASS SELLER (MS)	5 kaki X 5 kaki
2.	BOGORI BERSAMA	TEMPAT LETUP KERETA TAAM TANAH PERTAMA	BOGORI BERSAMA	5 kaki X 5 kaki
2.8. SYARIKAT-SYARIKAT PEMOHONAN LESEN TAHARU BAZAR ASIRI BESAR OLEH ONE TSUAKU ACEH RAHMAN				
Rakaman Permohonan :- 1. Permohonan akan wajenggong Malaysia hormis 15 tahun dan ia akan pada tarikh tutup permohonan. 2. Mengambil nota peringatan yang dilakukan oleh DBKL dan masih ada tempoh. 3. Untuk maklumat tambahan, ia adalah hasil hasil suatu proses perancangan. 4. Permohonan harus buat dalam maklumat satu (1) perak Bazzar Ramadhan/taidah sejauh cikgu tahun 2022.				
3.8. SYARIKAT-SYARIKAT PEMOHONAN LESEN TAHARU BAZAR RAMADHAN DAN TAHARU TAHUN TERAKHIR				
Rakaman Permohonan :- 1. Permohonan akan wajenggong Malaysia hormis 15 tahun dan ia akan pada tarikh tutup permohonan. 2. Ijazah/penilaian sertifikasi bantuan kerajaan atau sepecah. 3. Permohonan harus buat dalam maklumat satu (1) perak Bazzar Ramadhan/taidah sejauh cikgu tahun 2022.				
4.8. KAJIADA PEMERIKSAAN LESEN				
1. Permohonan Astaka Secara Online Taisan (Online) melalui https://ylexis.skl.gov.my				
Dokumen Yang Diperlukan :- 1. Kart Pengenalan Diraja (KED), Bantuan dan Imejan diri maklumat online atau media sosial.				
5.8. PEMERIKSAAN TAHARU BAZAR RAMADHAN 2022 DI BAWAH SELIAH DIRI DAN PERLUAS PERLUAS				
Kewajipan Permohonan :- 1. Permohonan perlunya membuat permohonan yang boleh dimuat turun melalui laman web https://ylexis.skl.gov.my . 2. Setiap permohonan yang lengkap dan benar akan dilakukan oleh DBKL dalam masa maksimum 10 hari kerja. 3. Jadual Permohonan dan Penilaian Projek Bazzar Ramadhan/taidah sejauh cikgu tahun 2022.				
6.8. PEMERIKSAAN TAHARU BAZAR RAMADHAN 2022 DI BAWAH SELIAH DIRI				
Kewajipan Permohonan :- 1. Permohonan dan Penilaian Projek Bazzar Ramadhan/taidah sejauh cikgu tahun 2022. 2. Setiap permohonan yang lengkap dan benar akan dilakukan oleh DBKL dalam masa maksimum 10 hari kerja. 3. Jadual Permohonan dan Penilaian Projek Bazzar Ramadhan/taidah sejauh cikgu tahun 2022.				
7.8. TARikh PEMOHONAN DISLUKA				
1 NOVEMBER 2022				
8.8. TARikh PEMOHONAN DITUTUP				
20 NOVEMBER 2022				
9.8. SEBARANG PERAKHRIDAN SELEPAS 20 NOVEMBER 2022 TIDAK AKAN DIPERTIMBANGKAN				
10.8. BANTUAN PERTAMBAHAN SLA HURIAH 2022/2023				

Lebih 30,000 pengunjung meriahkan Dataran Merdeka

Kerajaan perkasa penjaja, peniaga kecil

HAZIRAH HALIM

PESTA Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022 yang menghimpunkan lebih 506 usahawan dari seluruh negara disambut meriah dengan kehadiran ribuan warga kota sepanjang tempoh penganjurnannya.

Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob** dalam ucapan perasmianya menyifatkan pesta ini adalah sebuah program yang mengiktiraf bidang keusahawanan sebagai satu peluang pekerjaan kepada para usahawan kecil untuk menjalankan perniagaan bagi menambah pendapatan.

Menurutnya, antara program yang telah dilaksanakan kerajaan bagi membantu peniaga dan penjaja kecil adalah menerusi Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang merupakan sebuah medium yang melahirkan ramai usahawan untuk bermula di lokasi tumpuan dan strategik di ibu kota.

"Sehingga kini, sebanyak 1,252 ruang niaga atau kios telah disediakan di bawah program itu dengan ruangan reka bentuk yang lebih moden, kemas, teratur dan bersih."

"Kedua, pengurangan sehingga 50 peratus sewaan premis, pengecualian sewaan tapak kepada penjaja dan peniaga kecil serta pengecualian fi lesen penjaja dan peniaga kecil di Wilayah Persekutuan bagi mengurangkan beban akibat pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP)



ISMAIL Sabri (empat kanan) melihat produk jualan oleh salah seorang usahawan di gerainya pada Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022.

sebelum ini.

"Selain itu, program pembiayaan mikro tanpa faedah berjumlah RM50,000 turut ditawarkan kepada penjaja dan peniaga kecil yang melaksanakan perniagaan secara dalam talian.

"Keempat, Program Pendigitalan Penjaja dan Peniaga Kecil melalui 'Warongku' turut diwujudkan bagi membantu kumpulan sasar untuk mendigitalkan perniagaan mereka selaras dengan perubahan perniagaan semasa pasca pandemik," katanya.

Dalam pada itu, beliau juga turut menyerahkan Kad Prihatin Penjaja dan Peniaga Malaysia (IN2NIAGA) kepada tujuh wakil Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Kuala Lumpur melalui

platform IN2NIAGA.

"Inisiatif IN2NIAGA merupakan kerjasama antara persatuan, Pertubuhan Keselamatan Sosial (Perkeso) dan AEON bagi memastikan pengusaha serta pekerja dilindungi oleh insurans mampu milik melalui Perkeso dan menikmati kelebihan lain melalui kolaborasi strategik IN2NIAGA.

"Justeru, saya mencadangkan supaya penjaja, peniaga dan usahawan kecil turut serta memiliki Kad IN2NIAGA bagi membolehkan peniaga serta pembantu mereka menikmati kelebihan yang ditawarkan oleh platform tersebut.

"Melalui platform ini juga, penjaja dan peniaga kecil akan dibekalkan kod QR yang mana

kod ini disatukan dengan mod pembayaran tanpa tunai melalui pelbagai sumber e-dompet dan transaksi pemindahan wang secara dalam talian (FPX) serta ia membolehkan pelanggan untuk membuat pembayaran lebih mudah dengan mengimbas kod QR menggunakan telefon bimbit," jelasnya.

Pada majlis itu, beliau telah mengumumkan dan bersetuju menjadi penaung Gabungan Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu Malaysia dan mengatakan beliau akan kerap berjumpa dengan semua persatuan penjaja seluruh negara dan memberi bantuan sewajarnya kepada mereka.

Terdahulu, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob telah merasmikan program tersebut pada Khamis (20 Oktober) bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim; Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Jalaluddin Alias; Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi, Tan Sri Noh Omar serta beberapa tetamu kehormat lain.

Pesta Mega yang berlangsung di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur pada pukul 10 pagi hingga 12 tengah malam bukan sahaja dimeriahkan dengan gerai jualan dan food truck daripada penjaja dari seluruh negara malah pengunjung juga berpeluang berhibur bersama barisan artis terkenal seperti Floor88, Haqiem Rusli, Shiha Zikir dan ramai lagi. **W.K**

REAKSI Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil



PROGRAM ini wajar diteruskan pada masa akan datang kerana ia memberi nafas baharu buat para usahawan menjana pendapatan

dan sekali gus membantu memangkin kembali ekonomi negara selepas dua tahun pandemik COVID-19. Sejak ia dibuka kepada orang ramai pada hari Khamis 10 pagi, ramai pengunjung tidak henti-henti datang memberi sokongan terhadap jualan peniaga tambahan mereka juga boleh berbelanja dengan menggunakan kupon bernilai RM5 yang diberikan oleh pihak pengajur selain berpeluang berhibur dengan persembahan artis-artis terkenal.

NUR ARIF AFNI, 27
Pengunjung



ALHAMDULILLAH, hari pertama sahaja saya sudah mendapat keuntungan sebanyak RM3,000 hasil jualan 60 bekas sambal ikan bilis kering. Saya juga berasa sangat seronok apabila dapat peluang promosikan sambal ini di hadapan pengunjung kerana melalui cara ini mereka boleh mencuba dan bertanya lebih lanjut sekali gus tertarik untuk membelinya berbanding jualan secara dalam talian (*online*). Selain jualan oleh para usahawan di khemah biru, pengunjung juga boleh menikmati makanan di food truck yang turut menyediakan meja makan untuk memudahkan pengunjung menikmatinya.

NABILA ZAILANY, 31
Peniaga



PEMBERIAN kupon pada program ini sememangnya inisiatif terbaik untuk memberi peluang kepada pengunjung

khususnya mereka yang kurang berkemampuan (B40) berbelanja makanan, pakaian atau barang lain menggunakan kupon RM5 tersebut. Rata-rata pengunjung yang hadir ke gerai saya berkongsi perasaan gembira dan berpuas hati dengan pengajuran program ini dan ada yang berbelanja hanya menggunakan kupon dan tidak mengeluarkan duit sendiri langsung. Program ini juga bukan sahaja disertai oleh saya tetapi turut disertai lebih 70 usahawan di bawah saya dan saya harap ia akan diteruskan pada masa akan datang.

DATIN MONA ABDULLAH,
Peniaga

KWP tingkatkan inisiatif buat usahawan di WP

SELARAS dengan usaha kerajaan merancakkan kembali sektor keusahawanan dalam pasca pandemik, Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) telah meningkatkan lagi inisiatif membantu penjaja, peniaga dan usahawan kecil di Wilayah Persekutuan.

Menterinya, **Datuk Seri Dr Shahidan Kassim** berkata antara inisiatif yang dilakukan oleh KWP adalah melanjutkan lesen bermula percuma kepada 4,500 peniaga di WP menerusi Skim Wilayah Bebas Berniaga (WBB) sehingga hujung tahun ini.

"KWP juga telah menaik taraf Pusat Penjaja dan pasar seperti Anjung Selera Jalan Jujur di Bandar Tun Razak, Pusat Penjaja Lucky Garden Ara Kiri 3, Bangsar dan Pasar Harian Selayang termasuk Pasar Jalan Raja Bot yang sedang dalam proses dinaik taraf.

"Tidak ketinggalan, Program Usahawan Komuniti khusus di Projek Perumahan Rakyat (PPR) dan Perumahan Awam (PA) serta Program MyGrocer@Wilayah yang melahirkan usahawan trak bergerak bagi penjualan barang



PENIAGA mengambil peluang bergambar dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob (dua kiri) dan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim ketika sesi kunjungan mesra pada program tersebut.

basah dan keperluan harian," katanya ketika berucap pada Majlis Perasmian Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022 di Dataran Merdeka, pada Khamis (20 Oktober) lepas.

Jelasnya, inisiatif tersebut memanfaatkan seramai 147,000 penduduk di 61 kawasan PPR/PA

di Kuala Lumpur dan 19,000 penduduk setempat dalam kalangan keluarga berpendapatan rendah (B40) di Labuan.

Dalam pada itu, Shahidan juga turut menerima pemakluman bahawa Persatuan Penjaja-Penjaja dan Peniaga-Peniaga Kecil Melayu Wilayah Persekutuan memohon peruntukan khas untuk

membantu lima persatuan induk di Kuala Lumpur.

"Lima persatuan tersebut adalah Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu WP, Persatuan Pasar Malam KL, Persatuan Food Truck KL, Persatuan Peniaga Bumiputera KL serta Persatuan Penjaja dan Pekedai Bumiputera KL.

LAGI GAMBAR MUKA 12

"Walau bagaimanapun, saya akan menyerahkan kepada kebijaksanaan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk mempertimbangkannya," ujarnya yang turut menjelaskan KWP amat komited dalam mencari pelbagai kaedah demi meringankan beban ekonomi Keluarga Malaysia serta mengurangkan inflasi kepada mereka.

Sementara itu, Shahidan mengharapkan agar program ini akan diadakan lagi dengan matlamat yang sama iaitu membantu meningkatkan pendapatan usahawan di samping merancakkan lagi ekonomi sektor perusahaan mikro, kecil dan sederhana kepada negara. **W.K**



ANTARA warga asing yang ditahan oleh JPPKL Kuala Lumpur dalam Ops PeWA di sekitar Pasar Borong Kuala Lumpur baru-baru ini.



SEBAHAGIAN daripada motosikal yang dinaiki warga asing turut diperiksa dalam satu operasi yang dijalankan oleh pihak JPPKL Kuala Lumpur.

Ops PeWA: 239 notis dikeluar, 52 warga asing ditahan

SABRINA SABRE

JABATAN Pengangkutan Jalan (JPJ) Kuala Lumpur mengeluarkan 239 notis dan menahan 52 pendatang asing atas pelbagai kesalahan dalam Operasi Khas Pemandu Warga Asing (Ops PeWA) di Pasar Borong Kuala Lumpur pada 20 Oktober lalu.

Menurut Timbalan Pengarah JPJ Kuala Lumpur, **Zulkifly Ismail**, Ops PeWA merupakan salah satu fokus operasi yang diwajibkan di bawah Pelan Strategik Tindakan Penguatkuasaan (PTSP) JPJ Malaysia.

"Dalam tempoh dua jam operasi berkenaan, sebanyak 58 kendaraan disita termasuk lapan buah lori, 12 van, 25 motosikal, enam forklift dan tujuh motosikal roda tiga untuk tindakan lanjut.

"Antara kesalahan yang



ZULKIFLY

direkodkan termasuk tiada lesen memandu, tidak mempunyai lesen kenderaan barang dan juga insurans kenderaan yang tamat tempoh.

"Ops PeWA kali ini melibatkan 72 pegawai penguat kuasa bersama tujuh pegawai Jabatan Imigresen Kuala Lumpur bermula pukul 7 pagi," katanya dalam satu kenyataan.

Tambahnya, kesemua individu yang ditahan melibatkan 16 warga Bangladesh, Myanmar (28), Indonesia (enam) dan India (dua) berusia antara 30-an hingga 50-an yang didapati tidak mempunyai dokumen perjalanan sah diserahkan kepada pihak imigresen untuk tindakan susulan.

Di samping itu, Zulkifly berkata operasi tersebut turut memeriksa kenderaan perdagangan lain seperti forklift, lori dan lain-lain bagi mengesan pemandu warga



SEBANYAK 239 saman dikeluarkan pihak JPJ dalam Ops PeWA.

asing yang tidak mempunyai lesen serta menyalahgunakan kenderaan yang diubah suai.

"Bagi memastikan jalan raya selamat digunakan, pihak kami menegaskan kepada semua pemilik kenderaan agar tidak mem-

benarkan warga asing menggunakan kenderaan sekiranya mereka tidak mempunyai lesen memandu dan dokumen pengenalan diri yang sah.

"Ini kerana terdapat segelintir rakyat Malaysia yang membenarkan warga asing menyewa atau

SIDANG REDAKSI

PENGURUS BESAR

Azlan Abdul Aziz
azlanaziz@ayasanwp.org.my

PENGARANG KANAN

Helme Hanafi
helme.hanafi@gmail.com

WARTAWAN KANAN

Azlan Zambray
azlanwilayahku@gmail.com
Aini Roshidah Ahmad Mawawi
ainiwilayahku@gmail.com

WARTAWAN

Khairul Idin
khairulwilayahku@gmail.com
Deel Anjer
deelanjer@gmail.com
Sabrina Sabre
sabrinawilayahku@gmail.com
Hazirah Halim
hazirahwilayahku@gmail.com
Diana Amir
dianawilayahku@gmail.com

GRAFIK & MULTIMEDIA

Rostam Afendi Ab Rashid
lemandecaprio@gmail.com
Mohd Affandy Annuar
affandywilayahku@gmail.com
Fauzi Taib
adhamfauzi05@gmail.com

JURUFOTO & VIDEO

Mohd Aminullah Farij Hasan
aminwkt@gmail.com
Muhammad Syuqqree Mohd Dain
syuqqreewilayahku@gmail.com

KEWANGAN, SUMBER MANUSIA & PENTADBIRAN

Nur Fatihah Mohd Amir
fatihah@ayasanwp.org.my
Nurul Hazwani Haslan
nhmm866@gmail.com

OPERASI & PEMASARAN

Roslee Hanafi
roslee@ayasanwp.org.my

menggunakan kenderaan mereka untuk tujuan pelbagai.

"Kami akan mengambil tindakan penguatkuasaan ke atas pemilik kenderaan berdaftar jika didapati mereka telah melakukan kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan kaedah berkaitan yang masih berkuat kuasa," jelasnya.

WK

CERTA KEDAI KOPI

Hayati titah Seri Paduka

SURUHANJAYA Pilihan Raya Malaysia (SPR) telah menetapkan hari pengundian dalam Pilihan Raya Umum (PRU) ke-15 pada Sabtu 19 November. Tarikh penamaan calon ditetapkan pada 5 November dan tempoh berkempen selama dua minggu.

Rakyat Malaysia berdebar menunggu tarikh 19 November untuk menentukan parti mana yang akan mereka pilih membentuk kerajaan untuk tempoh lima tahun akan datang. Mungkinkah muncul satu parti dominan atau kerajaan campuran selepas pilihan raya? Rakyat jadi penentu.

Namun bagi kawan-kawan Kedai Kopi, yang penting ialah mereka yang layak dan berdaftar sebagai pengundi mesti keluar beramai-ramai melaksanakan tanggungjawab. Jangan lepaskan peluang menjadi sebahagian daripada mereka yang menentukan siapa bakal menjadi pemerintah.

Setiap undi berharga, walaupun hanya satu. Jangan beranggapan satu undi tidak mengapa kerana satu undi boleh menjadi penentu menang atau kalah. Jalankan kewajipan sejarah dengan amalan demokrasi di negara tercinta ini.

Tentunya dalam PRU ini pelbagai aktiviti berkempen dijalankan di seluruh negara oleh pelbagai parti yang bertanding. Itu tugas mereka

menarik pengundi, tidak mengapa.

Tetapi kawan-kawan Kedai Kopi ingin menarik perhatian parti dan calon yang bertanding mengenai titah ingatan Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, agar calon-calon dan parti politik yang bertanding dalam PRU-15 mengambil pendekatan berhemah sepanjang tempoh berkempen.

Baginda menasihati semua calon bertanding secara sihat, elakkan kompen serang-menyerang serta patuh kepada garis panduan, undang-undang dan peraturan ditetapkan oleh SPR.

Titah baginda, jauhkan fitnah, sifat provokasi, caci-mencaci dan cela-mencela dengan memburuk dan memperlekehkan sesiapa juga semasa berkempen kerana ia amat bertentangan dengan nilai-nilai murni.

Kawan-kawan Kedai Kopi tersentuh dengan keprihatinan baginda yang sangat mementingkan kesejahteraan dan keharmonian. Nilai murni dan adab perlu dijaga sepanjang tempoh berkempen.

Justeru harapan kawan-kawan Kedai Kopi dan rakyat keseluruhan ialah para pemimpin parti politik dan mereka yang bertanding menjunjung tinggi dan menghayati titah ingatan Seri Paduka ini. Terima ia sebagai panduan berguna yang sentiasa disemat di dalam hati.

Ingatan ini memang sangat tepat memandangkan dalam semangat berkempen, kadang-kala emosi menguasai diri. Akibatnya kata-kata kurang enak diluahkan sehingga menyenggung perasaan mereka yang terlibat.

PRU adalah persaingan di antara rakyat Malaysia dan parti politik di Malaysia. Biarlah

ia berlangsung dalam semangat setia kawan Malaysia. Kerana itu tidak perlu luahan kata-kata menyenggung peribadi sehingga menjadikan hubungan baik. Perpaduan dan sikap hormat menghormati mesti dipertahankan.

Tahniah qari, qariah negara

TAHNIAH dan syabas kawan-kawan Kedai Kopi ucapan kepada qariah Malaysia, Sofizah Mousin yang muncul johan Majlis Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa 2022 dengan memperoleh 89.66 peratus markah.

Pada majlis tilawah yang berlangsung dari 19 hingga 24 Oktober, serta penyampaian hadiah pada 25 Oktober di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (PKKL), kategori qari dimenangi oleh Mohamed Sameer Mohamed Maghded dari Bahrain yang memperoleh 93.33 markah. Tahniah kepada beliau.

Tahniah juga kepada qari Aiman Ridhwan Mohamad Ramlan yang memperoleh 88.83 peratus markah sekali gus muncul naib johan bahagian lelaki. Juga tahniah qariah dari Singapura, Widadul Wahidah yang muncul naib juara bahagian wanita dengan memperoleh 87.50 peratus markah.

Aiman Ridhwan dan Sofizah masing-masing adalah juara tilawah negeri Perak dan Selangor yang mewakli negara ke peringkat antarabangsa.

Kawan-kawan Kedai Kopi tidak lupa ucapan tahniah kepada pemenang tempat ketiga qari dan qariah. Mereka ialah Muhammad Rizqon dari Indonesia yang memperoleh 88.34 peratus markah dan Yuni Wulandari Hasim, juga dari Indonesia dengan markah 87.49 peratus.

Sesungguhnya Malaysia berbangga kerana Tilawah Al-Quran yang dimulakan sejak tahun 1960 dengan nama Musabaqah Al-Quran peringkat antarabangsa tetap bertahan sehingga kini. Saban tahun diadakan, kecuali waktu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) selama dua tahun mulai 2020 pada puncak pandemik COVID-19.

Majlis tilawah menyaksikan qari dan qariah daripada puluhan negara mengambil bahagian untuk memperdagarkan bacaan. Dalam proses itu, tilawah menyubur dan mengeratkan hubungan umat Islam dari pelbagai negara. Tahun ini 36 peserta dari 28 negara mengambil bahagian, terdiri daripada 24 qari dan 12 qariah.

Malaysia sendiri kerap menempa kejayaan apabila qari dan qariah muncul juara. Ramai nama terkenal muncul melalui tilawah ini, antaranya Ahmad Maasom Pergau, Ismail Hashim, Saidin Abdul Rahman dan Abd Hak@Abdul Ghani Abdulla. Ismail Hashim pernah menjadi juara kebangsaan dan antarabangsa beberapa kali.

Antara qariah pula ialah Faridah Mat Saman, Rogayah Sulong, Siti Noor Ismail, Rodziah Abdul Rahman, Rahmah Abdul Rahman, Sapinah Mamat, Rahmas Abdullah, Umi Kalthom Mohd Zain, Pasiah Hashim dan Sharifah Khasif Fdzillah Syed Mohd Badiuzzaman.

Kawan-kawan Kedai Kopi bangga dengan kejayaan qari dan qariah dahulu yang menjulang nama negara di persada antarabangsa. Semoga kejayaan mereka menjadi pendorong melahirkan lebih ramai qari dan qariah berkualiter di negara ini.



Suasana Pesta Makanan di Hadapan Pintu A berdepan Anjung Floria, Presint 4 Putrajaya.

21 hingga 30 Oktober 2022.

Berita lanjut di muka surat 16.

ASEAN FOOD • LOCAL FOOD • VIRAL FOOD



Dengan kerjasama



21 - 30 OKT 2022
10.00 pg - 11.00 mlm

TAPAK PARKING HADAPAN
PINTU (A) ANJUNG FLORIA
PUTRAJAYA, PRESINT 4

- PESTA DURIAN • LUCKY DRAW • ZUMBA • PERSEMBAHAN ARTIS
- CERAMAH PERDANA • BADUT • PERTANDINGAN MEMASAK • PERTANDINGAN MAKAN
- PETTING ZOO • PERSEMBAHAN TEATER & TARIAN • LIVE STATION • BUSKERS • KIDSZONE

FOOD FEST

@ PUTRAJAYA

2022



Berkuliah di bilik Dr Anuar Nor Arai



KU SEMAN KU HUSSAIN

Wartawan Bebas

SEBUAH pejabat kecil di tingkat dua Jabatan Penulisan Kreatif dan Deskriptif Universiti Malaya menjadi 'bilik kuliah' saya.

Saya kerap ke situ waktu tengah hari atau hari cuti mingguan yang bukan Sabtu atau Ahad. Cuti mingguan saya dihabiskan di pejabat kecil itu untuk tugasan sebagai 'pelajar'.

Pejabat kecil itu membuka dimensi baharu pemikiran saya mengenai filem dan falsafah dalamnya. Ketika itu tahun 1985, saya baru setahun menjadi wartawan di Utusan Melayu.

Masa terluang menjadi begitu sedikit apabila banyak dihabiskan di pejabat kecil yang dijadikan bilik kuliah itu. Ada pula kerja rumah yang perlu disiapkan kemudian dibentang dalam kuliah seterusnya. Terasa lelah juga berbahagi masa antara tugas di pejabat dan 'kuliah'.

Semua itu berlaku selepas Allahyarham Dr Anuar Nor Arai yang ketika itu pensyarah filem di Jabatan Penulisan Kreatif dan Deskriptif Universiti Malaya menawar diri untuk mengalirkan ilmu filem kepada saya. Saya hilang kata-kata – antara tidak percaya dan terharu dengan pelawaan luar biasa itu.

"Pejabat aku ini kuliah kau. Datangkan bila kau senang dan bila aku kelapangan. Aku akan ajar kau sama dengan pelajar aku yang lain. Bezanya kau di sini. Di pejabat ini," kata Dr Anuar. Saya terdiam dalam terharu dan gembira.

"Nak kritik filem kena belajar. Kau kena baca buku-buku itu," katanya sambil berpaling ke rak buku di sisi saya. Semuanya tebal-tebal belaka.

Kelihatan Dr Anuar bersungguh-sungguh dan jujur untuk mengalirkan ilmu kepada saya. Tidak ada lagi alasan untuk menolak relung ilmu yang terbuka di depan mata. Apa lagi saya kerap ditugaskan menulis ulasan dan rencana filem di Utusan Malaysia dalam keadaan teraba-raba.

Tanpa berselindung, sebenarnya tulisan saya itu sangat kosong. Secara tiba-tiba seolah-olah serba tahu menilai filem yang dikerjakan orang lain. Saya fikir tidak boleh berterusan dalam keadaan seperti tikus



PEJABAT Dr Anuar Nor Arai di Universiti Malaya pernah menjadi bilik kuliah tempat penulis belajar ilmu teori dan falsafah filem.

membaiki labu. Tidak boleh.

Perlawaan Dr Anuar disambut dengan penuh syukur. Ketika itu Dr Anuar berusia 41 tahun dan saya 24 tahun. Jarak usia antara kami sangat jauh dan memang kenalah kalau beliau menjadi 'pensyarah' saya.

Berada dalam kuliah Dr Anuar memberikan pesona yang tersendiri.

Lapis demi lapis, helai demi helai dan saya menjadi semakin ghairah untuk mengaut ilmu yang baharu. Ternyata terlalu banyak yang tidak tahu apabila kita banyak mengambil tahu.

Buku-buku rujukan yang semuanya dalam bahasa Inggeris membuatkan saya terkial-kial membaca dengan bantuan kamus. Memahami makna perkataan satu hal, untuk memahami maksud sesuatu istilah dalam konteks filem suatu yang sangat membebankan.

Selepas dua tiga kali hadir ke kuliah di pejabatnya, barulah saya bertemu dengan nama 'Lumiere'. Tidak pernah mendengar pun sebelum itu, hendak menyebut pun susah. Tetapi kena sebut juga sebab nama itu sangat penting.

Kata Dr Anuar, semua pengkaji dan pelajar filem mesti kenal nama itu. Itu adalah titik mula lahirnya sejenis seni yang disebut filem. Barulah saya faham bahawa Lumiere dan adiknya menjadi orang pertama yang menghasilkan filem dan menayangkannya di Paris pada 28 Disember 1895.

“Pejabat aku ini kuliah kau. Datangkan bila kau senang dan bila aku kelapangan. Aku akan ajar kau sama dengan pelajar aku yang lain. Bezanya kau di sini. Di pejabat ini,” kata Dr Anuar. Saya terdiam dalam terharu dan gembira.

wawancara itu nama saya ikut terapung dalam industri filem. Semuanya secara kebetulan kerana mewawancara Dr Anuar. Nasib baik Dr Anuar sudi mengalirkan ilmunya supaya saya tidak menjadi belon – kembung tetapi kosong.

Pada 2008, Dr Anuar menjadi Timbalan Rektor Akademik Seni dan Budaya Warisan (ASWARA) selepas bersara dari Universiti Malaya. Suatu hari beliau menelefon dan meminta saya menjadi pensyarah filem sambilan di Fakulti Filem ASWARA.

Mulanya saya amat keberatan. Sebabnya tidak ada keyakinan untuk menjadi pensyarah filem. Rasa seperti tidak cukup ilmu untuk dialirkan kepada pelajar-pelajar.

Akan tetapi Dr Anuar pantas memintas, "Yang aku bagi dulu jauh lebih daripada cukup. Ada ilmu jangan kedekut untuk diberikan kepada orang lain."

Ayat akhir itu membuatkan saya tersentak dan terdiam. Saya mengulang ayat itu. Timbul satu perasaan yang sangat terharu mengingatkan kesudian mengalirkan ilmunya dengan percuma kepada saya lebih 20 tahun sebelum itu. Akhirnya saya setuju dan bermula sati lagi pengalaman baharu – menjadi pensyarah filem.



MALAYSIA DI TELUNJUK UNGU

Kini
Malaysia di jari telunjukmu
bakal berdakwat ungu
pilihan adalah masa depan
warisan kemakmuran
pinjaman keberkatan

Kini
Malaysia menanti suaramu
bakal berkumandang di kertas bisu
bisikan adalah harapan
dari batas sayuran

dari pukat nelayan
untuk sebutir ehsan

Buat semua;
pilihlah
dengan hati merdeka
demi Malaysia
yang kita cinta

Lekir0937
Taman Tasik Prima.

t.me/wilayahku



IMBAS KOD QR



SERTAI SALURAN TELEGRAM
Wilayah Ku
UNTUK MENDAPATKAN BERITA DAN INFORMASI TERKINI!



Anak muda ibu kota ayuh bermiaga!

PROGRAM Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang menyediakan 1,000 kuota untuk anak muda bermiaga masih banyak kekosongan. Sehingga kini hanya 600 telah diisi, bermakna ada 400 lagi menunggu untuk dipenuhi oleh peserta.

Bagaimana ini berlaku sehingga hampir separuh daripada kuota masih belum diambil? Adakah ramai generasi muda di ibu kota masih belum menyedari wujudnya program ini sedangkan ia sudah lama diuarkan? Atau perlukan promosi lebih kerap dan agresif dijalankan bagi menambah penyertaan?

Kepada golongan muda, khususnya yang belum menyedari program ini, atau kurang maklum mengenainya, ingin Adi jelaskan Program UAMK ialah inisiatif Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) melalui Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Program ini bertujuan menggalakkan anak muda warga Wilayah Persekutuan menceburi bidang perniagaan. Strategi ini untuk membentuk golongan muda menjadikan perniagaan sebagai sumber pendapatan utama.

Justeru program ini sangat sesuai untuk golongan muda membina kerjaya sebagai peniaga, terutama bagi mereka yang masih mencari pekerjaan setelah menamatkan pengajian di pusat pengajian tinggi atau kolej.

Pertumbuhan sektor kerja sekarang masih agak perlahan. Kerana itu peluang tenaga kerja untuk mereka yang baharu memasuki pasaran agak terhad, tambahan perlu bersaing dengan pencari kerja terdahulu, atau yang hilang kerja akibat COVID-19.

Dengan negara memasuki era endemik mulai April lalu dan sektor ekonomi semakin pulih, peluang pekerjaan dijangka bertambah baik. Namun sementara menunggu peluang itu jatuh ke riba, anak muda wajar mencari alternatif. Carilah kerja sehingga beroleh kerja yang lebih tetap dan memenuhi kehendak.

Ini adalah langkah terbaik daripada hanya menunggu dan terus menunggu. Mencari rezeki bukan sahaja bermakna perlu bekerja dengan orang lain, tetapi boleh bekerja sendiri dan menjadi bos sendiri. Kata orang berjagung-jagung dahulu sementara menunggu padi masak.

Dalam hubungan ini Adi melihat Program UAMK sangat relevan, membentuk anak muda menjadi peniaga. Tanam minat dalam bidang ini dan terus mencapai kejayaan. Atau



PROGRAM UAMK bukan sahaja membuka peluang golongan muda menambah pendapatan, malah turut merangsang ekonomi warga kota sekali gus meningkatkan taraf kehidupan mereka.

jika ingin berundur apabila sudah mendapat kerja tetap, sekurang-kurangnya sudah ada pengalaman kerja. Jika hendak terus bermiaga pun bagus.

Kerana itu seruan Adi kepada generasi muda, ayuh bangun sahut cabaran menyertai UAMK. Jangan padang sepi usaha kerajaan yang mahukan anak muda berjaya, tidak hanya menunggu perkara yang belum pasti.

Memetik Pengarah Eksekutif Pembangunan Sosio Ekonomi DBKL, Datuk Azmi Abdul Hamid seperti tersiar dalam *Wilayahku*, inisiatif UAMK memang mendapat sambutan menggalakkan daripada sebahagian besar golongan muda.

Walau bagaimanapun sambutan sehingga kini masih jauh daripada memenuhi kuota disediakan. Sejumlah 60 peratus telah dipenuhi, bermakna ada lagi 40 peratus masih kosong. Inilah yang perlu segera direbut.

Bagi Adi, penyertaan sehingga ini belum memuaskan kerana masih jauh dari sasaran.

Baki kuota perlu diisi segera oleh generasi muda untuk sama-sama mengambil bahagian dalam kerancakan pertumbuhan sektor ekonomi di ibu negara melalui sektor perniagaan dan keusahawanan.

Untuk memudahkan peserta, pihak DBKL berusaha menyediakan kawasan tertentu di sekitar bandar raya sebagai lokasi bermiaga. Golongan muda hanya perlu mendaftar diri menyertai program serta memilih jenis perniagaan yang ingin diceburi, tertakluk kepada ketetapan dan kelulusan DBKL.

Justeru kemudahan yang disediakan perlu digunakan sepenuhnya. Jangan biarkan masih ada kawasan tidak diambil sehingga usaha DBKL membantu anak muda sukar mencapai matlamat yang diharapkan.

Adi difahamkan, DBKL serius dalam membantu anak muda bermiaga. Kerana itu ia bersikap fleksibel dalam hal melibatkan kawasan niaga. Selain DBKL sendiri menyediakan kawasan sesuai, peserta boleh

“Adi difahamkan, DBKL serius dalam membantu anak muda bermiaga. Kerana itu ia bersikap fleksibel dalam hal melibatkan kawasan niaga. Selain DBKL sendiri menyediakan kawasan sesuai, peserta boleh menentukan sendiri lokasi dan memaklumkan kepada DBKL.”

menentukan sendiri lokasi dan memaklumkan kepada DBKL. Jika lokasi sesuai dan mampu menarik pengunjung, DBKL sedia pertimbangkan.

Konsep ini hampir menyamai Inisiatif Wilayah Bebas Berniaga (WBB) yang membenarkan penjaja atau peniaga yang menyertainya memilih lokasi sesuai dan jenis perniagaan. Namun syarat asas ialah perlu mendapat lesen daripada DBKL untuk memudahkan urusan pemantauan.

Syarat-syarat lain yang perlu dipatuhi antaranya tidak menganggu pergerakan orang ramai, tidak menghalang pergerakan lalu lintas atau parkir. Kebersihan mesti dijaga sepanjang masa di kawasan persekitaran bermiaga. Kesemua peralatan bermiaga mesti dikemas dan disimpan selepas selesai bermiaga.

Program WBB akan tamat Disember ini. Namun dijangka ia akan disambung, seperti sebelum ini ia disambung setiap enam bulan apabila tamat tempoh. Program WBB dilaksanakan mulai 2020 untuk membantu warga kota yang terjejas pendapatan akibat pandemik COVID-19.

Gejala ini berlaku kerana ramai hilang kerja apabila tempat kerja gulung tikar atau mengurangkan pekerja. Sebagai usaha membantu mereka meneruskan kehidupan dengan bermiaga, DBKL bertindak proaktif melaksanakan Program WBB yang memang mendapat sambutan menggalakkan.

Memetik Azmi, bagi Program UAMK, di sesetengah kawasan atau lokasi niaga, kios dengan reka bentuk moden disediakan sebagai daya tarikan. Jelas DBKL bukan sahaja menyediakan kawasan tetapi menyediakan kios yang kondusif untuk bermiaga.

Pada Adi, aspek ini memang penting. Kios yang cantik boleh menjadi tarikan pertama atau *first impression* kepada orang ramai. Tentu sahaja mereka teruja datang membeli apabila melihat kios indah.

Namun perlu diingat, mereka yang bermiaga di kios ini hanya digalakkan menjual makanan siap dimasak. Jika pun memasak dibenarkan, ia mestilah dalam skala kecil dan terkawal. Misalnya makanan segera seperti burger.

Adi setuju dengan ketetapan

DBKL ini kerana difahamkan kios yang disediakan adalah kecil untuk masak-memasak. Selain itu aktiviti tersebut dikuatir menjadikan kebersihan persekitaran jika peniaga tidak mengambil berat untuk menjaganya.

Namun tidak semua tempat ada kemudahan kios. Kerana itulah kelonggaran diberi kepada bakal peniaga memilih sendiri lokasi. DBKL akan membantu merealisasikan hasrat mereka menjadi peniaga berjaya.

Justeru Adi berharap anak muda warga kota dengan penuh semangat dan tekad menyambut seruan Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, agar menyertai Program UAMK. Kerana masih banyak kuota kosong, masih banyak peluang terbuka untuk mengisi kuota.

Di ibu kota, terdapat banyak persatuan yang melibatkan anak muda dengan keahlian yang ramai. Mereka ini berpotensi menjadi peniaga dan kerana itu wajar diberi kefahaman mengenai UAMK dan didorong serta dilakukan menyertainya.

Sehubungan itu, para pemimpin persatuan mesti memainkan peranan penting menyampaikan maklumat kepada ahli serta memberi motivasi kepada mereka menceburi bidang perniagaan. Kerajaan sudah berusaha membantu, maka bantulah diri sendiri agar matlamat menghasilkan lebih banyak usahawan muda akan berjaya.

Adi—Suka makan di gerai

Adi Taibah

SAJAK

MEHNAH TRIBULASI

Perjuangan adalah kedahagaan manusawi untuk meniti sebuah bahagia para pejuangnya perlu tabah jangan lelah dan mengalah

Persaingan dan kesengsaraan terbit seperti matari mengekor dalam perjuangan pejuang untuk menikmati bahagia

Pejuang perlu ada roh yang kuat dan jasad gagah ertikata keseduan iman

Mehnah dan tribulasi dalam sebuah perjuangan itu seperti sebat dan melekat

Akli perlu cerdas menanggung sebuah kehadiran kesengsaraan yang gencar.

Mamu MK Hasny

SKETSA



YWP sumbang 480 buah khemah, 30,000 cenderahati

Bantu, sokong peniaga terjejas

DIANA AMIR

YAYASAN Wilayah Persekutuan (YWP) menyumbang sebanyak 480 buah khemah kepada peniaga yang terlibat dalam Program Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022, baru-baru ini.

Menurut Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Zaizalnizam Zainun, khemah yang disumbangkan boleh terus dibawa balik oleh peniaga sejurus selesai program tersebut.

Tambah beliau selain khemah, YWP juga turut menyediakan 30,000 cenderahati kepada pengunjung terawal yang menghadiri program tersebut bermula 20 Oktober hingga 22 Oktober 2022 lalu bertempat di Dataran Merdeka.



ZAIZALNIZAM

"Pesta tersebut merupakan sebahagian daripada Program Usahawan Anak Muda Kota (UAMK) yang sedang dilaksanakan di Wilayah Persekutuan."

"Kalau kita lihat kebanyakan peniaga yang terlibat adalah golongan anak muda dari pelbagai negeri yang mana dengan adanya program sebegini dapat membantu serta memberi ruang kepada mereka menceluri bidang perniagaan."

"Selain daripada itu, kita turut merancang untuk meneruskan pesta seperti ini di Wilayah Persekutuan dalam skala yang lebih kecil," ujar beliau lagi.

Terdahulu, Program Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022 diadakan susulan pengumuman yang dilakukan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri

Ismail Sabri Yaakob dalam usaha membantu serta memberi sokongan terhadap peniaga yang terjejas.



KHEMAM yang digunakan penjaja sepanjang Program Pesta Mega Penjaja, Peniaga dan Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022 berlangsung merupakan sumbangan YWP mewakili pihak KWP.

Persekutuan (KWP) bersama Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Malaysia.

Program tersebut merupakan anjuran Kementerian Wilayah

lain yang direncanakan YWP, Zaizalnizam berkata YWP sedang bersiap siaga untuk sebarang bencana seperti banjir dan akan memberi bantuan berupa makanan, tilam, dan bantal kepada mangsa terjejas. **WK**

Info ADUAN DBKL Tel : 03-2617 9000 	Perbadanan Putrajaya Tel : 03-8887 7000 Aduan : 03-8887 3000 	Perbadanan Labuan Tel : 087-408600 Aduan : 087-408852 	Wilayahku WhatsApp : 011-5958 7489
--	---	--	---

Rujuk SPWP jika sukar bayar balik pinjaman rumah

DEEL ANJER

SYARIKAT Perumahan Wilayah Persekutuan (SPWP) yang merupakan anak syarikat Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) menyarankan peminjam yang bermasalah dalam pembayaran balik pinjaman perumahan tampil untuk berbincang.

Menurut Pembantu Tadbir SPWP, Siti Shazly Nabila Long Kechil, 24, ia membolehkan pihak SPWP mengetahui situasi kewangan peminjam dan membantu mencari jalan penyelesaian yang terbaik.

"Masalah bayaran tertunggak merupakan isu yang kami hadapi dari dahulu lagi. Bukan setakat dua atau tiga bulan tertunggak, ada yang lebih setahun tidak membuat bayaran ansuran.

"Kami alu-alukan mereka untuk



SHAZLYA NABILA

datang berbincang di peringkat awal agar masalah yang dihadapi dapat diselesaikan. Janganlah dibiarkan sehingga dikenakan tindakan undang-undang," ujarnya yang ditugaskan untuk mengurus pembayaran semula ansuran pinjaman rumah.

Tambahnya lagi, pihak SPWP amat memahami situasi peminjam yang lewat mahupun gagal membuat pembayaran yang ditetapkan lebih-lebih lagi dalam keadaan ekonomi yang tidak menentu saat ini.

"Tak dinafikan, sejak negara dilanda pandemik COVID-19 ramai yang hilang kerja dan punca pendapatan sehingga tidak mampu menjelaskan bayaran setiap bulan. Namun dari sisi lain, terdapat juga sesetengah peminjam yang liat untuk membayar balik pinjaman.



SITI SHAZLYA NABILA (dua dari kanan) bersama kakitangan SPWP.

"Diharapkan sebagai peminjam, kita dapat memberikan komitmen sepenuhnya setiap bulan seperti dalam perjanjian yang sudah pun dipersetujui pada peringkat awal dahulu," ujarnya kepada **Wilayahku**.

Jelasnya lagi, setiap permasalahan yang dihadapi pasti ada jalan penyelesaian. Jangan sesekali men-

diamkan diri ataupun lari daripada masalah kerana ia akan menyukarkan semua pihak yang terlibat.

"Caranya adalah bertemu dengan pihak kami dan kita boleh berbincang dengan lebih lanjut mengenai penyelesaian bayaran balik pinjaman yang sesuai dengan keadaan kewangan peminjam," ujarnya. **WK**

Yayasan Wilayah Persekutuan

Lokasi: Wisma YWP, No 134, Jalan Raja Abdullah, Kampong Bharu, 50300 Kuala Lumpur

Objektif: Perkhidmatan dan gerak kerja tertumpu kepada lima kluster utama iaitu Pendidikan, Ekonomi, Sosial, Agama dan Teknologi (P.E.S.A.T)

Hubungi: 03-2698 3073 / 2073, Faks: 03-2698 3075

WhatsApp: 019-348 3073

E-mel: info@yayasanwp.org.my

Laman sesawang: www.yayasanwp.org.my

Anak Syarikat: Syarikat Perumahan Wilayah Persekutuan dan YWP Media Sdn Bhd (**Wilayahku**)

Laman sosial YWP: Facebook, Instagram, Twitter dan TikTok: yayasanwp

Dua pensyarah ungguli anugerah simposium

SABRINA SABRE

DUA pensyarah kanan Institut Pendidikan Guru (IPG) Kampus Ilmu Khas Bandar Tun Razak, Cheras, Kuala Lumpur, Norani Abd Rahim dan Dr Madinah Mohd Yusof dinobatkan sebagai pemenang Simposium Amalan Terbaik Pedagogi Amalan Profesional Peringkat Kebangsaan 2022 dalam kategori Pensyarah baru-baru ini.

Menurut Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) menerusi satu kenyataan media, Norani dan Dr Madinah memenangi pertandingan itu

menerusi buku 33 Teknik Amalan Penyampaian Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang.

"Simposium berkenaan mengetengahkan strategi, kaedah dan teknik, pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna dengan objektif meningkatkan pengetahuan pensyarah dan pelajar berhubung teknik, strategi serta kaedah pengajaran dan pembelajaran yang lebih bermakna.

"Selain itu, meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam kalangan pensyarah dan pelajar untuk melaksanakan sesuatu yang baharu iaitu video yang ber-

maklumat dan mendidik ke arah melahirkan pensyarah dan bakal guru yang kreatif bagi menentukan kaedah pengajaran dan mereka bentuk aktiviti pembelajaran.

"Bukan itu sahaja, ia bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan pensyarah, pelajar dan ketua unit praktikum dalam pembangunan produk multimedia sebagai daya tarikan dalam pengajaran dan pembelajaran dan pengurusan organisasi," katanya.

Tambahnya, penyertaan tersebut meliputi tiga kategori iaitu kategori Pensyarah, Pelajar dan Ketua Unit Praktikum bermula 1 Julai lalu dengan tema 'Pendidik Kreatif Penjana Generasi Unggul'.



ROMBONGAN guru dan pensyarah cemerlang ketika menjelajah pulau di Semporna menerusi 33 Teknik Amalan Penyampaian Pelaksanaan PdPR Guru Cemerlang dan Pensyarah Cemerlang.

Simposium berkenaan merupakan anjuran bersama Unit Praktikum meliputi empat Rakan Senergi IPG iaitu IPG Kampus Temenggong Ibrahim, IPG Kampus

Tun Hussein Onn, IPG Kampus Raja Melewar serta IPG Kampus Perempuan Melayu dengan kerjasama Pusat Kecemerlangan Akademik IPGM. **WK**

REALITI KEHIDUPAN

RODA KOTA

28 OKTOBER - 3 NOVEMBER 2022 . Bil 188

Wilayah Ku



Juang hingga wisel penamat



DENGAN hanya berstatus sebagai pasukan ‘underdog’, Kuala Lumpur (KL) City FC berjaya mencipta sejarahnya tersendiri apabila berjaya melangkah ke pentas akhir Piala AFC 2022.

Sejurus melayakkan diri, skuad kendalian Bojan Hodak itu bermati-matian mempersesembahkan prestasi yang hebat sepanjang perjalanan mereka dalam mengejar kejuaraan Piala Asia pertama bagi KL City FC.

SAMBUNGAN DI MUKA 10





Sampai Mati Kuala Lumpur



FOTO: SYUQQREE MOHD DAIN
DIANA AMIR

DARI MUKA 9

HASRAT KL City FC untuk menempa sejarah muncul juara Asia lebur selepas tumpas 0-3 kepada Kelab Al-Seeb dari Oman dalam aksi final Piala Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) 2022 di Stadium Nasional, Bukit Jalil pada 22 Oktober lalu.

Walaupun tewas, pujian harus diberikan kepada KL City FC susulan pencapaian mereka muncul kelab kedua dari Malaysia mara ke final Piala AFC selepas Johor Darul Ta'zim (JDT) melakukannya pada 2015 yang menyaksikan Harimau Selatan muncul juara, menewaskan Istiklol dari Tajikistan 1-0.

Dalam aksi final di hadapan 27,722 penonton menyaksikan skuad kendalian Bojan Hodak itu sedikit bergelut untuk menyaingi keupayaan pasukan lawan ekoran beraksi di atas permukaan padang basah akibat hujan yang turun sebelum aksi berlangsung.

KL City FC terlebih dahulu mencemaskan Al-Seeb namun sepaikan pemain tengah Zhafri Yahya dinafikan penjaga gol, Ahmed Al-Rawahi pada minit ke-18.

Selang empat minit kemudian, juara Liga Profesional Oman itu mengejutkan tuan rumah apabila sepaikan sudut diambil tonggak serangan Ali Sulaiman Al-Busaidi

gagal dibaca penjaga gol, Kevin Ray Mendoza, seterusnya menyaksikan bola terus menerjah jaring untuk gol pembukaan pelawat.

Pasukan kendalian Rasheed Jabar Al-Yafai yang terus mengasak kubu skuad bimbingan Bojan Hodak berpeluang menambah jaringan kedua sebelum rembatan jarak jauh Daniel Ajibola ditepis Mendoza pada minit ke-35.

Bagaimanapun, Al-Seeb melenyapkan sorakan penyokong The City Boys seketika apabila hantaran Salaah Said Al Yahyaei ditanduk penyerang Abdul Aziz Humaid Al Muqbaili untuk menjadikan kedudukan 2-0 pada minit ke-37 dan kedudukan itu kekal sehingga separuh masa pertama tamat.

KL City FC yang meningkatkan tempo permainan pada 10 minit pertama sejurus babak kedua bersambung berpeluang menyamakan kedudukan namun sepaikan percuma lemah diambil ketua pasukan, Paulo Josue tepat ke dakpan Ahmed Al-Rawahi pada minit ke-56.

Biarpun ketinggalan dengan jaringan agak besar, situasi itu ternyata tidak mematahkan skuad warga kota untuk sekurang-kurangnya mencari gol saguhati sehingga menyaksikan percubaan Paolo Josue pada minit ke-90 dipatahkan Ahmed Al-Rawahi.

Kedudukan itu kekal hingga tamat permainan untuk

memastikan Al-Seeb menjadi pasukan pertama dari Oman yang berjaya muncul juara Piala AFC manakala pencapaian KL City mara sehingga ke peringkat akhir juga seharusnya dipuji.

PIALA AFC 2022: DETIK SEJARAH BERMAKNA

MESKIPUN KL City FC hanya mampu dinobatkan sebagai naib johan Piala AFC 2022, namun perjalanan mereka dalam kempenn kejohanan itu perlu diberikan pujian.

Perjalanan skuad itu bermula apabila membuat kejutan dengan menumpaskan JDT seterusnya merangkul Piala Malaysia edisi ke 100 tahun lalu.

Kemenangan itu juga membolehkan skuad warga kota mengucapkan selamat tinggal kepada penantian 32 tahun untuk memenangi piala tersebut yang pernah empat kali dijulang dan yang terakhir pada 1989.

Lebih manis, bukan setakat mengesahkan kejuaraan tanpa sebarang kekalahan dalam kempenn Piala Malaysia lalu malah kemenangan tersebut membolehkan mereka meraih tiket ke Piala Konfederasi Bola Sepak Asia (AFC Cup) 2022.

Slogan sampai mati Kuala Lumpur yang dilaungkan oleh pasukan KL City FC nyata membawa apabila berjaya mara ke pentas

akhir zon Asean menewaskan wakil Vietnam, Viettel FC yang menyaksikan penjaga gol KL City FC, Azri Ghani menjadi wira pasukan selepas aksi cemerlangnya membantu pasukan itu.

Dua tendangan penalti diselamatkan lantas memastikan KL City mara dengan keputusan 6-5 dalam perlawan yang berlarutan ke penentuan sepaikan penalti yang diadakan di Stadium Thong Nhat.

Kemenangan itu membolehkan KL City FC berdedah PKM Makassar dalam aksi final Zon ASEAN yang diadakan di Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Cheras.

Pasukan itu berpesta gol dengan menundukkan kelab dari Indonesia, PSM Makassar 5-2 untuk bergelar juara Zon ASEAN.

Pencapaian itu menyaksikan skuad bimbingan Bojan Hodak itu menjadi pasukan pertama dari Malaysia memenangi final Zon ASEAN selepas pertandingan terbabit diformat semula pada edisi 2017.

Bagaimanapun mereka cemas apabila kelebihan tiga gol yang dimiliki hampir 'dipotong' PSM Makassar sebelum tuan rumah berjaya menambah satu lagi gol lewat permainan untuk menamatkan perlawan lebih selesa. Keputusan itu menyaksikan Kuala Lumpur layak ke peringkat separuh akhir Inter Zon Piala AFC, menentang kelab India, ATK Mohun Bagan.

Aksi separuh akhir yang berlangsung di Stadium Vivekananda Yuba Bharati Krirangan, Kolkata, India, itu menyaksikan KL City FC menewaskan ATK Mohun Bagan 3-1, untuk layak ke final antara zon buat kali pertama saingan Piala AFC.

ATK Mohun Bagan jelas mendominasi babak pertama dengan melancarkan serangan bertali arus ke kubu KL City, namun gagal menjelmakan gol. Bersambung pada babak kedua, kapten pasukan KL City Paulo Josue mengejutkan lawan apabila menjaringkan gol pembukaan dengan rembatan padu dari luar kotak penalti pada minit ke-60.

Meskipun berjaya mencari gol penyamaan, kegembiraan ATK Mohun Bagan tidak kekal lama apabila tandukan penyerang Fakrul Aiman Sidid, berpuncak dari sepaikan percuma diambil Josue, berjaya menghadiahkan gol.

Perlawanannya seterusnya menyaksikan KL City menentang kelab Uzbekistan, PFC Sogdiana, yang menang tipis ke atas skuad dari Hong Kong, Eastern Long Lions, 1-0, dalam satu lagi aksi separuh akhir.

Dengan kemenangan di atas wakil Uzbekistan, PFC Sogdiana Jizzakh menerusi penentuan sepaikan penalti 5-3 pasukan KL City FC hanya selangkah lagi bagi melengkapkan 'kisah indah' mereka. **WK**





Hodak bangga prestasi anak buah



HAZIRAH HALIM

MESKIPUN tewas di tangan pasukan dari Oman, Al-Seeb namun Ketua Jurulatih KL City FC, **Bojan Hodak** tetap berbangga dengan prestasi yang dipamerkan anak buahnya ketika menentang pasukan tersebut.

Menurut Hodak, walaupun pemainnya berjaya mencipta beberapa peluang jaringan sepanjang permainan namun beliau tidak membangkitkan

kegagalan itu kerana mengetahui pasukan Al-Seeb mempunyai taktikal permainan, kekuatan pertahanan dan serangan yang hebat bahkan turut memiliki enam pemain terbaik kebangsaan.

“Sebelum perlawan, saya bercakap kepada mereka bahawa Al-Seeb adalah sebuah pasukan yang cukup bagus. Mereka peroleh dua peluang dan berjaya menjaringkan tiga gol yang mana gol pertama bukanlah peluang sebaliknya seakan penjuru yang



BOJAN HODAK

terus menerjah jaring.

“Saya akui kita mempunyai beberapa peluang tetapi tidak berjaya menjaringkan gol menyebabkan kita gagal menewaskan pasukan yang cukup hebat itu,” jelas beliau sejurus perlawan Piala AFC 2022 di Stadium Nasional

Bukit Jalil, Kuala Lumpur.

Mengulas mengenai keputusan memasukkan penjaga gol import, Kevin Ray Mendoza menggantikan Azri Ghani, Hodak menjelaskan

keputusan itu sama sekali tidak disesali beliau kerana menganggap Kevin merupakan antara penjaga gol terbaik di Malaysia.

Beliau juga turut mengulas persoalan kemasukan pemain muda, Haqimi Azmi dan pemain veteran Safee Sali pada minit terakhir separuh masa kedua kerana mempunyai sebab tertentu.

“Haqimi Azmi adalah seorang pemain muda yang berkebolehan dan kekuatan yang cukup besar. Dia juga merupakan pemain harapan KL City FC.

“Safee Sali pula adalah seorang pemain legenda yang dikagumi

Malaysia dan ini juga merupakan perlawan AFC kedua buatnya jadi ia adalah tanda penghormatan yang mana dia dimasukkan pada penghujung babak kedua sama seperti Shukor Adan dalam perlawan Akhir Piala Malaysia tahun lalu,” jelas pengendali dari Croactia ini.

Walau bagaimanapun, beliau bangga dengan persembahan yang ditonjolkan kesemua pemain KL City FC sepanjang kempen Piala AFC musim ini dan berharap agar anak buahnya dapat memberi tumpuan kepada perlawan seterusnya iaitu Piala Malaysia. **W.K**



“ PERLAWANAN antara KL City FC dan Al-Seeb Sabtu lalu jelas menunjukkan pasukan pihak lawan lebih banyak menyerang. KL City FC ada taktikal yang baik tapi rezeki tidak menyebelahi kerana secara keseluruhan Al-Seeb menguasai permainan daripada detik permulaan dan mempunyai taktikal begitu cemerlang.”

IZZULIMAN SUHAIRI, 25
Jurugambar

“ KITA dapat lihat KL City FC banyak kali cuba menjaringkan gol tapi diselamatkan oleh penjaga gol Al-Seeb, Ahmed Al-Rawahi. Nak sampai ke final pun memang susah jadi kita sepatutnya kita memberi sokongan yang penuh kepada semua pemain KL City FC, mereka kalah bermaruah. Kami datang bukan

hanya menyokong KL City FC sahaja tetapi kami datang sebagai penyokong Malaysia.”

MUHAMMAD NAZHAN ARIFF, 23
Penyokong KL City FC

“ PERMAINAN KL City FC semasa peringkat separuh akhir lebih kemas berbanding hari Sabtu lepas. Mereka seperti tertekan selepas jaringan gol pertama dan cuba menyerang

pihak lawan. Sungguhpun begitu, KL City FC telah menunjukkan prestasi dan permainan terbaik.

Bukan mudah untuk berada di peringkat ini malah pasukan pihak lawan pun ada enam orang yang bermain untuk pasukan kebangsaan jadi agak sukar untuk menentang mereka.”

MUHAMMAD IKRAM MOHD JAAFAR, 23
Penyokong KL City FC

“ KEDUA-DUA pasukan bermain dengan sangat baik tetapi rezeki tidak berpihak pada kita. Separuh masa kedua kita lihat taktikal pasukan Al-Seeb cukup baik, kita memang mengharapkan kemenangan tapi tidak mengapa kita harap KL City FC dapat buat yang terbaik untuk Piala Malaysia nanti.

Saya hadir pada hari ini untuk memberi sokongan kepada suami saya yang turut berada dalam

pasukan iaitu Kamal Azizi.”

HIDAYAH MOHD ZAIN, 30
Penyokong KL City FC

“ PADA malam itu kita lihat Al-Seeb banyak beri tentang hebat kepada pasukan kita yang mana mereka menguasai keseluruhan permainan dan KL tidak berapa selesa mungkin kerana faktor padang yang agak basah disebabkan hujan.

Persembahan daripada pemain utama KL City juga seperti Ketua pasukan, Paulo Josue juga tidak menjadi. Walau bagaimanapun, tahniah KL City FC kerana sudah berjaya menghadapi kejohanan AFC sehingga ke peringkat akhir ini.”

MUHAMMAD SYAFIQ KHIR ANUAR, 26,
Pegawai Media KL City FC



IZZULIMAN



NAZHAN



IKRAM



HIDAYAH



SYAFIQ



Penjaja & peniaga berhimpun di Dataran Merdeka



SYUQQREE MOHD DAIN

PESTA Mega Penjaja, Peniaga & Usahawan Kecil Keluarga Malaysia 2022 yang dijadualkan selama dua hari di Dataran Merdeka bermula 20 hingga 21 Oktober telah dilanjutkan sehingga 22 Oktober lalu susulan sambutan hangat dari warga kota. Program

ini dirasmikan oleh Perdana Menteri dengan disertai lebih 506 usahawan, peniaga dan penjaja kecil dari seluruh negara.

Pesta yang julung kali diadakan ini dijayakan oleh Kementerian Wilayah Persekutuan bersama Kementerian Pembangunan dan Koperasi, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Yayasan Wilayah Persekutuan serta Persatuan Penjaja & Peniaga Kecil Malaysia. **WK**



LEBIH 30,000 Keluarga Malaysia hadir, memeriahkan Pesta Mega sepanjang tiga hari pengjurannya.



SERAMAI 175 orang peserta mewakili 27 pasukan kelab renang bersaing bagi Acara Renang Air Terbuka Piala Presiden PPj Tasik Putrajaya yang berlangsung di Sisiran Floria Presint 4, Putrajaya baru-baru ini.

Baby Shima dedah diganggu lelaki miang



"Jangan nampak salah artis je" - Ramlah Ram

KECOH baru-baru ini apabila terdapat segelintir pendakwah yang gemar mengkritik selebriti secara lantang dalam media sosial tanpa memikirkan aib atau maruah golongan 'public figure' tersebut.

Tampil bersuara tentang hal itu, penyanyi popular **Ramlah Ram**, 57, berkata artis juga manusia biasa yang tidak terlepas daripada melakukan kesilapan.

"Kalau komen tu, biarlah komen yang baik-baik bukan menjatuhkan. Sebab kita semua ini adalah manusia biasa. Tak kisahlah agamawan atau artis, kalau lakukan dosa, ia tetap berdosa. Tiada pengecualian.

"Perbuatan salah tetap salah tapi kalau nak komen atau kritik biarlah adil untuk semua. Bukan hanya memfokuskan golongan tertentu," katanya kepada

Wilayahku.

Ramlah Ram juga berharap sesiapa sahaja yang mahu menegur atau mengkritik perlulah berfikir panjang sebelum berbuat demikian.

"Bagi saya, dalam nak menilai baik buruk tu, kalau nak tegur, tegurlah. Tiada salahnya teguran untuk kebaikan tetapi biarlah kena cara. Kadang-kadang kita pun tak tahu sejauh mana kebenaran sesuatu perkara tetapi terus kritik.

"Apa yang saya nampak, apabila artis berbuat kebaikan, sikit je orang nak bercerita. Cuba kalau artis lakukan kesalahan, ia seolah-olah sengaja dibesar-besarkan. Jadi, fikir-fikirkanlah," ujarnya lagi.

Berbalik pada kerjaya seni



pula, selain sibuk dengan persembahan, Ramlah Ram kini muncul dengan produk kosmetik miliknya RVR Cosmetics. Antara produk keluaran RVR Cosmetics adalah minyak wangi, lipstik, bedak kompak dan banyak lagi.

Caprice jumpa pakar psikiatri

SEJAK berumur 18 tahun, penyanyi rap Caprice mendedahkan dirinya telah bertemu dengan pakar psikiatri kerana mempunyai masalah mental.

Caprice atau nama sebenarnya, Ariz Ramli, 34, yang juga aktivis kemanusiaan ini mengaku masih mendapatkan rawatan bagi dua masalah yang dihadapinya iaitu *anxiety* atau kebimbangan yang melampaui dan insomnia.

"Dari umur 18 tahun sehingga sekarang ni, saya masih berjumpa dengan pakar psikiatri atas dua sebab iaitu *anxiety* dan insomnia.

"Saya punya *anxiety* tak boleh duduk diam, kena kerja dan kerja. Setiap kali saya duduk diam, tangan saya akan meggeletar dan saya akan diserang panik.

"Saya juga alami insomnia teruk, susah nak tidur sehingga terpaksa ambil pil," akunya membuat pendedahan.

Menjawab tentang sama ada dirinya menghidapi masalah mental, *Histrionic Personality disorder (HPD)* pula, Caprice berkata dia akan bertemu pakar terapi untuk melakukan diagnosis berhubung perkara tersebut.

"Segelintir orang percaya yang saya ada HPD, minggu ini juga saya akan ke sebuah hospital swasta untuk mendapatkan diagnosis

lebih mendalam," katanya.

Sungguhpun begitu, Caprice menegaskan sekiranya dia tidak memiliki masalah mental tersebut, individu yang merupakan pengamat perubatan membantkitkan isu HPD dalam TikTok perlu membelanja setiap netizen panadol dalam ruangan komen video yang telah dimuat naik.



"Terima kasih...", PU Azman tenang ketika bertemu media



BUKAN mudah buat selebriti popular **PU Azman** apabila didakwa di mahkamah selepas dikaitkan dengan jenayah amang seksual.

Berkata kepada media baru-baru ini, PU Azman yang kelihatan tenang turut berterima kasih kepada sesiapa sahaja yang

mendoakannya.

"Terima kasih kerana sudi menunggu dan saya amat hargai doa daripada semua pihak. Alhamdulillah, proses pertuduhan berjalan lancar dan saya serahkan segala urusan kepada peguam," ujarnya tenang.

Berdasarkan kertas pertuduhan,

dia yang mesra disapa Cik Man itu didakwa atas lima kesalahan melakukan amang seksual terhadap dua remaja lelaki antara Februari hingga Julai lalu.

Jika sabit kesalahan, tertuduh berusia 41 tahun itu boleh dihukum penjaran tidak melebihi 20 tahun dan juga sebatan.

Timbalan Pendakwa Raya, Husni Fairoz Ramly meminta mahkamah mengenakan jaminan tinggi terhadapnya iaitu RM15,000 bagi setiap pertuduhan kerana kesalahan dilakukan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.



DR KHADHER AHMAD

BULAN Rabiulawal setiap tahun tidak asing lagi bagi umat Islam di seluruh dunia sebagai bulan mengingatkan kelahiran junjungan mulia Nabi Muhammad SAW. Kelahiran baginda SAW adalah merupakan rahmat terbesar bagi semua umat manusia dek kerana baginda SAW tidak diutus melainkan membawa rahmat sekalian alam. Firman Allah SWT dalam surah al-Anbiya' ayat 107 yang bermaksud: "Dan tiadalah Kami mengutus kamu (wahai Muhammad), melainkan untuk menjadi rahmat bagi sekalian alam".

Sempena dengan bulan Maulidur Rasul, saban tahun pelbagai program yang diadakan dalam semua peringkat sama ada di peringkat sekolah, universiti sehingga dalam masyarakat melalui masjid dan surau. Program-program berbentuk ceramah, kuliah perdana, webinar, seminar dan sebagainya.

Dalam mengenang Nabi SAW, sudah pasti pelbagai aspek yang boleh dijadikan sebagai qud wah dan ikutan. Pelbagai aspek tersebut meliputi aspek keperibadian dan akhlak baginda, kepimpinan, kemasyarakatan, muamalat harian, mendepani musuh, toleransi dengan orang bukan Islam dan pelbagai kaum dan sebagainya lain. Sesuai dengan apa yang difahami daripada al-Quran dalam surah Al-Ahzab, ayat 21 yang bermaksud: "Demi sesungguhnya, adalah bagi kamu pada diri Rasulullah itu contoh ikutan yang baik, iaitu bagi orang yang sentiasa mengharapkan (kereduan) Allah dan (balasan baik) hari akhirat, serta ia pula menyebut dan mengingati Allah banyak-banyak (dalam masa susah dan senang)".

RASULULLAH ITU CONTOH IKUTAN YANG BAIK

JADI, dalam menghayati keperibadian baginda SAW pada masa kini, antara aspek yang boleh dilihat dan dijadikan sebagai *role model* adalah berkaitan dengan sifat integriti baginda SAW sebagai seorang pemimpin agung sepanjang zaman. Sifat kepimpinan baginda terbukti jelas apabila berjaya dalam mengasaskan Kerajaan Islam Madinah selepas menghadapi pelbagai halangan dan rintangan daripada pihak musuh Islam dari pelbagai sudut. Kemuncaknya sehingga baginda SAW diperintahkan Allah SWT untuk berhijrah meninggalkan tanah air Makkah al-Mukarramah menuju ke Yathrib (yakni Madinah) selepas penentangan yang hebat dari kaum kafir Quraisy ketika itu. Namun, keadaan itu sama sekali tidak mematahkan semangat Nabi SAW dan orang Islam. Berkat kepada kesungguhan dan kesabaran baginda SAW dalam memimpin umat Islam pada ketika itu, dan kejayaan baginda dalam mempersaudarkan antara golongan Muhibbin (dari Makkah) dengan golongan Ansar (di Madinah), telah meletakkan batu asas kepada pembinaan Kerajaan Islam yang stabil.

Sikap integriti Rasulullah

Berintegritinya kepimpinan Rasulullah



SAW boleh juga dilihat kepada usaha merasuh baginda SAW oleh golongan kafir Quraisy yang dicadangkan oleh 'Utbah bin Rabi'ah. 'Utbah adalah seorang pembesar Quraisy yang bijak dan berpandangan jauh lalu memberi cadangan agar ditawarkan kepada Nabi SAW sama ada diberikan sejumlah harta yang banyak sehingga menjadi seorang yang paling kaya daripada kalangan mereka atau diberikan pangkat dan jawatan yang diingini sehingga boleh menjadi ketua dan raja kepada mereka. Jika semua itu ditolak, 'Utbah mengatakan bahawa mereka sanggup untuk membelanjakan harta kekayaan yang ada bagi mencari tabib bagi merawat Nabi SAW sehingga sembuh. Keterangan ini ada disebutkan dalam Sirah Ibn Hisyam. Sikap integriti yang tinggi yang ada pada Nabi SAW, dengan mudah sahaja baginda menolak segala tawaran tersebut yang berniat semata-mata untuk memberhentikan usaha dakwah baginda SAW. Kita melihat bahawa baginda seorang yang sangat tetap pendirian, terus memikul amanah dengan penuh integriti sebagai Pesuruh Allah, demi untuk memastikan segenap manusia menjadikan Islam sebagai agamanya. Jika kita sebagai seorang pemimpin berada pada situasi ini, adakah kita mampu untuk terus menetapkan pendirian sedemikian? Berapa ramai dalam kalangan pemimpin kita yang goyah dengan nikmat keduniaan ini.

MEMIKUL AMANAH

DALAM pada itu, sesuatu yang menarik juga untuk kita hayati tentang sifat integriti baginda SAW adalah melalui hadis Mu'awiyah bin Abi Sufian yang berkata bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: "Sesungguhnya aku 'Qasim' (yakni pembahagi) dan Allah yang memberi." (HR al-Bukhari, no. hadis 27). Hadis ini mempunyai maksud yang sangat penting bagaimana Nabi SAW mahu mendidik sifat

integriti kepada para Sahabat. Ia ada kaitan dalam perbincangan berkaitan dengan harta rampasan perang di mana hanya Nabi SAW sahaja mempunyai hak untuk membahagikan harta rampasan perang (*ghanimah*) tersebut. Sehingga dalam hadis yang lain, ada menyebutkan daripada riwayat Abu Hurairah RA ada menyebutkan tentang seorang lelaki yang terkorban dalam Peperangan Khaibar dan orang ramai mengatakan bahawa orang tersebut telah mati syahid. Lalu Nabi SAW bersabda: "Tidak! Sesungguhnya selendang dari harta rampasan perang yang ambilnya (boleh lelaki yang terbunuh itu) pada hari Peperangan Khaibar tanpa pembahagian (yang betul) sedang menyalaikan api neraka ke atasnya". Apabila orang ramai mendengar kenyataan tersebut, maka seorang lelaki datang membawa seutas atau dua utas tali (yang telah diambil tanpa pembahagian yang diizinkan) kepada Nabi SAW. Lalu baginda SAW bersabda lagi: "Seutas atau dua utas tali juga (boleh menyebabkan masuk) dalam neraka." (HR al-Bukhari, no. hadis 6707). Lihatlah bagaimana kerana 'sehelai selendang' yang diambil disebabkan hilang integriti dan tidak amanah, sekalipun nampak seolah-olah satu nilaiang yang kecil, tetapi telah menyebabkan dicampak ke neraka. Dalam erti kata, bagaimana Nabi SAW tegas dalam memastikan nilai integriti dalam kalangan Sahabat terus pasak secara kukuh.

Demikian juga, apabila kita mempelajari ilmu hadis ('Ulum al-Hadith), Nabi SAW telah mendidik pada Sahabat menjadi generasi yang terbaik yang pernah ada di atas muka bumi. Sesuai dengan hadith yang diriwayatkan daripada 'Imran bin Husain RA, berkata bahawa beliau mendengar Nabi SAW bersabda, yang bermaksud: "Sebaik-baik manusia adalah kurunku (ketika Nabi SAW masih hidup). Kemudian kurun selepas daripada mereka (zaman para Sahabat) dan kemudian kurun selepas daripada mereka (zaman tabi'in)." (HR al-Tirmizi, no.hadis 2221).

Sehingga para Sahabat yang meriwayatkan hadis diletakkan dalam status 'al-'Adalah atau al-'Udul' iaitu bersifat adil. Adil yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada maksud para sahabat sangat berintegriti dalam periwayatan hadis sehingga mereka sama sekali tidak akan berdusta atas nama Nabi SAW. Justeru, semua riwayat yang dibawa boleh para Sahabat Nabi SAW boleh diterima tanpa sebarang prasangka.

PARA SAHABAT MENJADI GENERASI TERBAIK

PARA Sahabat menjadi generasi terbaik itu tidak lain melainkan kepimpinan yang hebat daripada baginda SAW dari pelbagai sudut dan aspek. Dari sekecil-kecil perkara sehingga sebesar-besarnya perkara mendapat tujuan ajar dari pimpinan Nabi SAW melalui wahu Allah SWT.

Tambahan lagi apabila, Nabi SAW turut meletakkan satu asas yang sangat penting dalam kepimpinan, apabila dalam riwayat daripada Ibn 'Umar RA daripada Nabi SAW bersabda: "Ketahullah, setiap kalian adalah pemimpin, dan setiap kalian bertanggungjawab ke atas kepimpinannya. Seorang pemimpin yang memimpin rakyat akan bertanggungjawab ke atas rakyatnya, seorang lelaki (suami) adalah pemimpin ke atas keluarganya, dan dia bertanggungjawab ke atas mereka semua, seorang wanita juga pemimpin ke atas rumah suaminya dan anak-anaknya, dan dia bertanggungjawab ke atas mereka semua, seorang hamba adalah pemimpin atas harta tuannya, dan dia bertanggungjawab ke atas harta tersebut. Setiap kalian adalah pemimpin dan akan bertanggungjawab atas kepimpinannya." (HR Muslim, no hadis 3408). Hadis ini sangat penting apabila memperincikan keperluan dalam menjalankan amanah kepimpinan dengan penuh integriti dalam semua peringkat, kerana setiap kepimpinan itu

Gelaran ini telah menjadikan baginda SAW membesar menjadi seorang pemuda yang jujur dan amanah sehingga pada ketika itu tiada siapa yang boleh dipercayai lebih daripada Muhammad Al-Amin. Baginda telah dipilih untuk menyelesaikan pertelingkahan dalam meletakkan kembali Hajar Aswad di tempatnya di sisi Kaabah selepas peristiwa banjir besar di Makkah yang menghanyutkan dan meruntuhkannya.

akan dipertanggungjawabkan. Dalam erti kata bahawa ia adalah tanggungjawab yang sangat berat.

Sedangkan, apabila kita sebagai Muslim, Islam sangat menitik beratkan integriti dan Nabi SAW telah mendidik umat baginda untuk berakhhlak dengan akhlak yang baik yang mampu membentuk sifat integriti tersebut. Baginda sendiri juga telah menunjukkan contoh dan tauladan yang baik untuk kita ikuti, tetapi kenapa masih ramai lagi yang ingkar. Justeru itu, dalam hadis riwayat Abdullah bin 'Amr RA, Rasulullah SAW bersabda: (maksudnya): "Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah." (HR Ahmad, no. hadis 6984 dan Ibnu Majah, no hadis 2313). Hadis ini memberikan gambaran ancaman yang sangat berat bagi golongan yang telah hilang integriti yang sanggup menggadaikan maruah diri dan tanggungjawab demi kepentingan peribadi. Layaknya dijauhkan daripada rahmat Allah SWT dan dibalas dengan dosa.

Oleh yang demikian, usahlah kita memandang sebelah mata dalam soal integriti ini, lebih-lebih lagi apabila melibatkan tindakan yang salah sehingga menggadaikan amanah dan tanggungjawab semata-mata untuk memuaskan diri sendiri. Ambillah pengajaran daripada Nabi SAW dan hayati lah sirah baginda SAW, di mana sejak kecil sehingga baginda menjadi pemimpin agung, sikap integriti itulah yang menjadi tunjang utama yang utuh tanpa goyah. Hasilnya, Islam terus bertapak kukuh, terus berkembang dari semasa ke semasa dan pernah mencapai zaman kegemilangannya. Nikmat Islam itu jugalah yang kita kecapa pada hari ini.

PENULIS merupakan Profesor Madya di Jabatan al-Quran dan al-Hadis, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya dan boleh dihubungi di khadher82@um.edu.my.

Makanan istimewa, harga berbaloi di Food Fest @ Putrajaya



AINI MAWAWI

PELBAGAI jenis makanan dan minuman istimewa menanti pengunjung di Food Fest @ Putrajaya yang sedang berlangsung bermula 21 Oktober hingga 30 Oktober 2022 ini.

Bertempat di tapak parkir hadapan Pintu A Anjung Floria, Presint 4, Putrajaya, tema makanan yang diketengahkan adalah cita rasa Asia, tempatan dan tidak terkecuali makanan viral.

Dianjurkan oleh Kelab Sukan Rekreasi dan Kebajikan Perbadanan Putrajaya (KRISputra) dengan kerjasama Perbadanan Putrajaya (PPj), Putrajaya Holdings (PjH) dan Easy Smart Marketing (ESM), lebih daripada 100 peniaga mewarnai festival yang menghimpunkan aneka makanan serta barang lain seperti pakaian dan sebagainya.

Menurut Ketua Biro Ekonomi KRISputra, **Aminudin Abd. Hamid**, festival tersebut hanya menyajikan makanan istimewa dan terpilih yang sukar didapati di tempat lain.

"Memandangkan ia adalah festival makanan maka kita bawakan hidangan yang hebat



AMINUDIN



KUNAFAH antara makanan pilihan pengunjung di Food Fest @Putrajaya.

dan sudah semestinya tidak akan mengecewakan pengunjung yang hadir," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Tambahnya lagi, harga yang ditawarkan juga amat berbaloi dengan hidangan yang dipersembahkan memandangkan peniaga yang mengambil bahagian merupakan antara peniaga yang popular dengan keenakan makanan yang dijual.

"Sebagai contoh, air minuman yang ada di sini bukan air balang biasa. Semuanya di 'upgrade' untuk menepati selera pengunjung. Antaranya kita ada

Kopi Hainan yang memang menjadi pilihan ramai.

"Selain itu, di sini juga terdapat sejenis makanan pencuci mulut yang disukai ramai iaitu kunafa selain Nasi Ganja Pegheli. Biasanya pembeli akan beratur panjang untuk mendapatkan makanan ini," ujarnya yang mengalu-alukan pengunjung untuk hadir bermula 10.30 pagi hingga 12 tengah malam setiap hari.

Bagi memeriahkan lagi Food Fest @Putrajaya yang ditunggu-tunggu sekian lama, artis popular seperti Lan Solo, Shah Jaszle dan Zarina Zainuddin turut bersama-sama berniaga.

Antara aktiviti yang diadakan



sepanjang 10 hari festival berlangsung seperti cabutan bertuah, pesta durian, persembahan artis, ceramah perdana dan tidak ketinggalan juga aktiviti menarik kanak-kanak di Kidszone.

Mengulas lanjut, Aminudin berkata pihak PPj juga bertindak memantau dari segi aspek kebersihan lokasi serta penyediaan makanan setiap hari bagi memastikan tahap kebersihan berada di tahap terbaik.

"Setiap hari kita mempunyai pasukan kesihatan yang akan memantau peniaga yang tidak mengikuti prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan," ujarnya lagi. **WK**



AIH Putrajaya 2022: Galak komuniti Putrajaya amal amalan hijau



SABRINA SABRE

PERBADANAN Putrajaya (PPj) meraikan 30 pemenang Pertandingan Anugerah Inisiatif Hijau (AIH) Putrajaya 2022 bertempat di Dewan Seri Seroja, Presint Diplomatik, Putrajaya baru-baru ini.

Menurut Naib Presiden Perancangan Bandar Perbadanan Putrajaya (PPj), **Shamsul Bahrin Rahmat**, sebanyak tiga inisiatif di dalam dua kategori dipertandingkan iaitu kategori individu (kediaman) serta kategori institusi awam dan swasta menerusi inisiatif seperti elektrik, air dan sisa pepejal.

"Pemenang pertandingan bagi setiap kategori yang dipertandingkan membawa pulang wang tunai beserta sijil. Bagi kategori individu, johan menerima wang tunai RM600;



SHAMSUL (tengah) bersama para pemenang AIH Putrajaya 2022. Kredit foto: Faris Azmi

naib johan RM500 sementara tempat ketiga dan saguhati pula menerima wang tunai RM400 dan RM200.

"Bagi kategori institusi pula, johan menerima wang tunai RM1,500; naib johan RM1,000

sementara tempat ketiga dan saguhati RM800 dan RM200," ujarnya kesemua pemenang bagi kedua-dua kategori turut menerima sijil.

Pertandingan ini memerlukan para peserta menyediakan video

ringkas tidak melebihi dua minit berkenaan tiga inisiatif penjimatatan iaitu elektrik, penjimatatan air, pengurangan sisa pepejal yang telah dilaksanakan.

"Video mereka juga turut disertakan dengan rekod

penggunaan tenaga elektrik, air dan resit jualan kitar semula," jelasnya lagi.

Tambahnya, program yang berlangsung bermula 15 Julai hingga 20 September lalu itu telah menarik sebanyak 30 penyertaan iaitu 19 penyertaan untuk kategori individu dan 11 penyertaan bagi kategori institusi awam dan swasta.

Terdahulu, AIH Putrajaya diperkenalkan oleh PPj sejak 2020 bagi bertujuan meningkatkan penglibatan penduduk dan warga kerja Putrajaya dalam melaksanakan inisiatif hijau yang kreatif dan inovatif khasnya dalam aspek penjimatatan tenaga (elektrik), air dan mengurangkan sisa pepejal.

Ia juga diadakan selaras dengan aspirasi PPj dalam menjadikan Putrajaya sebagai Bandar Hijau Karbon Rendah di bawah fokus keempat penggunaan tenaga, kelima penggunaan air dan keenam bandar hijau iaitu pengurusan sisa pepejal. **WK**

KEMENTERIAN KOMUNIKASI
DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM)
sedang melaksanakan **Kajian Luaran Kepuasan Pelanggan
K-KOMM 2022.**

Tujuan kajian ini dijalankan adalah untuk menilai kepuasan para pelanggan (luaran) terhadap perkhidmatan yang disediakan oleh Bahagian/ Unit di K-KOMM.

Kajian Kepuasan Pelanggan K-KOMM di pautan



[https://www.surveymonkey.com/r/
KajianKepuasanPelangganK-KOMM2022](https://www.surveymonkey.com/r/KajianKepuasanPelangganK-KOMM2022)



1 SEPTEMBER HINGGA 30 NOVEMBER 2022

'Kemuncak Kecemerlangan' diangkat sebagai tema Anugerah Seri Angkasa

SEIRING usia pengajuran yang mencapai Jubli Emas pada tahun ini, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia (K-KOMM) mengangkat 'Kemuncak Kecemerlangan' sebagai tema Anugerah Seri Angkasa 2022 (ASA 2022) yang merupakan pemangkin kepada penghasilan karya-karya bermutu industri penyiaran khususnya di peringkat nasional.

Berbanding pada tahun-tahun sebelumnya, pada tahun ini sebanyak 1,586 pencalonan ASA 2022 telah dikemukakan, manakala sebanyak 1,354 telah diterima kerana menepati syarat-syarat yang telah ditetapkan.

Daripada jumlah tersebut 1,035 pencalonan adalah bagi Kategori Televisyen, 276 bagi Kategori Radio dan 43 bagi Kategori Media Baharu yang buat julung kalinya diperkenalkan sesuai dengan peredaran zaman yang kini ke arah digital.

Selain tiga kategori yang

dipertandingkan, terdapat dua anugerah khas iaitu Anugerah Khas Juri dan Tokoh Anugerah Seri Angkasa akan disampaikan pada malam kemuncak ASA 2022.

Malam Anugerah Seri Angkasa bakal diadakan pada 29 Oktober 2022 (Sabtu) dan Kemuncak Anugerah Seri Angkasa pula akan diadakan pada 30 Oktober 2022 (Ahad) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya (PICC).

Sesuai dengan statusnya sebagai anugerah berprestij, proses penjurian dilaksanakan secara adil dan telus oleh 55 orang juri yang terdiri daripada pemain industri berpengalaman luas dalam penghasilan program televisyen, radio dan media sosial dan keputusan juri ini akan disahkan oleh dua orang juruaudit yang dilantik terdiri daripada wakil K-KOMM serta Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (FINAS).

Menteri Komunikasi dan



KEMUNCAK ASA 2022 akan diadakan pada 30 Oktober 2022 ini bertempat di PICC.

Multimedia, Tan Sri TPr Annuar Musa yang hadir melancarkan Kira Detik Malam Kemuncak Anugerah Seri Angkasa 2022 turut mengumumkan bahawa para pemenang bukan sahaja

membawa pulang trofi kemenangan masing-masing, bahkan buat julung kalinya mereka bakal menerima hadiah berbentuk wang tunai bagi setiap kategori yang dimenangi.

Begitu juga bagi Tokoh Anugerah Seri Angkasa 2022 dan Tokoh Anugerah Khas Juri masing-masing turut diberikan hadiah berupa wang tunai.

Selain itu, antara perubahan besar yang dibuat pada tahun ini adalah dua (2) Pemenang Kategori Utama iaitu Drama Terbaik dan Dokumentari Terbaik akan turut menerima Dana Kandungan Digital (DKD) sebanyak RM200,000 dan RM150,000 masing-masing.

Ini adalah selaras dengan Pelan Pemulihara Negara di mana DKD bertujuan untuk membantu serta menggalakkan pengamal industri kreatif menghasilkan, memasarkan dan mengedarkan kandungan kreatif yang tinggi nilainya kepada pasaran tempatan serta antarabangsa terutama dalam fasa pasca COVID-19.

Hadir sama Ketua Setiausaha K-KOMM, Datuk Seri Mohammad Mentek dan para penggiat industri penyiaran tempatan.



Sebanyak 43 anugerah dipertandingkan dalam Kategori Televisyen (Teknikal), antaranya adalah:

**Jurukamera TV MCP Terbaik
Jurukamera TV SCP Terbaik
Suntingan Rancangan TV Terbaik
Penataan Cahaya TV Terbaik
Audio Rancangan TV Terbaik
Pengimbangan Muzik TV Terbaik
Set TV Terbaik
Tatarias TV Terbaik
Grafik TV Terbaik
Kesan Khas TV Terbaik**



Saksikan Malam Anugerah Seri Angkasa 2022 pada:

**29 Oktober 2022 (Sabtu)
30 Oktober 2022 (Ahad)
Malam Kemuncak**

Projek Pembinaan MRSM Labuan diteruskan semula - PM



KORESPONDEN
KHAIRUL IDIN

PROJEK Pembinaan Maktab Rendah Sains Mara (MRSM) di Labuan yang dibatalkan ketika pemerintahan Pakatan Harapan (PH), bakal diteruskan semula, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**.

Beliau berkata, pembinaan MRSM itu telah diluluskan pada tahun 2015, namun ia telah dibatalkan ketika pemerintahan di bawah PH.

"Ketika PH ambil alih pemerintahan Barisan Nasional (BN), mana-mana projek yang telah diluluskan oleh BN

dibatalkan, saya tak tahu sama ada pembinaan MRSM ini dibatalkan atau ada masalah lain.

"Jadi hari ini (Ahad) saya telah bawa Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Mahdzir Khalid dan saya telah mengarahkan beliau supaya projek itu diteruskan.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Amanat Jelajah Keluarga Malaysia di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan di sini, pada Ahad lalu.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Mahdzir Khalid dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias

Turut sama, Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan, Datuk Parang

Abai @ Thomas, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail.

Mengulas lanjut mengenai isu kenaikan harga tambang feri roro Labuan - Menumbok, Ismail berkata kenaikan sebanyak 42.5 peratus yang dilaksanakan pada awal November ditangguhkan pelaksanaannya.


"Saya telah menghubungi Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Wee Ka Siong untuk mencadangkan kepada syarikat Labuan Mainlink agar menangguhkan pelaksanaan itu.

Terdahulu, Ismail turut berkesempatan menyampaikan sumbangan Keluarga Malaysia kepada beberapa persatuan, madrasah pada Majlis Amanat Jelajah Keluarga Malaysia yang dihadiri lebih 2,500 orang. **WK**



ISMAIL (empat dari kanan) menyaksikan penyerahan bantuan Keluarga Malaysia yang disampaikan oleh Bashir (tiga dari kanan) kepada Pusat Tahfiz pada Majlis Amanat Keluarga Malaysia di sini, pada Ahad lalu.

Pelan Tindakan Pembangunan 2030 perkasa ekonomi Labuan



ISMAIL Sabri Yaakob ketika menyampaikan ucapan Amanat Jelajah Keluarga Malaysia di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Ahad lalu.

PELAN Tindakan Pembangunan Labuan 2030 mampu memperkuuh dan mempelbagaikan pembangunan ekonomi di pulau bebas cukai itu, kata Perdana Menteri, **Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob**.

Katanya, Pelan Pembangunan jangka panjang itu telah menggariskan beberapa bentuk cadangan pembangunan fizikal dan program khususnya dalam meningkatkan aktiviti ekonomi Labuan.

"Tumpuan utamanya termasuklah mengukuhkan serta mempelbagaikan kegiatan ekonomi supaya Labuan tidak hanya bergantung kepada sektor kewangan serta industri berkaitan minyak dan gas.

"Selain itu, sektor pelancongan dalam Pelan Tindakan ini telah dijadikan inisiatif tumpuan utama kerana kelebihan Labuan sebagai pulau bebas cukai dan memiliki aset pelancongan yang

berpotensi," katanya ketika menyampaikan ucapan Amanat Jelajah Keluarga Malaysia di Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, pada Ahad.

Hadir sama, Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Dr Shahidan Kassim, Menteri Pembangunan Luar Bandar, Datuk Mahdzir Khalid dan Ahli Dewan Negara, Senator Datuk Bashir Alias.

Turut sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail dan Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP), Datuk Zaizalnizam Zainun.

Ismail berkata terdapat lima hala tuju dalam pelan pembangunan itu meliputi pembangunan sektor kewangan dan perniagaan.

"Selain itu sektor minyak dan gas perlu dimantapkan, yang menjadi penjana penting pertumbuhan ekonomi Pulau Labuan, melalui pelaksanaan hab

sektor minyak dan gas dengan Wilayah Persekutuan Labuan berperanan mengukuhkan fungsinya sebagai hab utama untuk menyokong aktiviti industri ini.

"Sektor pendidikan juga perlu diberi perhatian dalam pelan pembangunan agar memperkasakan pembangunan modal insan," katanya.

Mengulas lanjut mengenai isu bekalan air di pulau itu, Ismail berkata kerajaan telah meneruskan usaha menambah baik dan menaik taraf bekalan air di Labuan dengan lapan buah projek dilaksanakan oleh Jabatan Bekalan Air Labuan pada tahun 2022.

"Antara projek yang dilaksanakan ialah Loji Rawatan Air Kinabuela, pembinaan tangki tinggi di kawasan Lajau dan Ganggarak, menaik taraf projek paip di jalan Bebuloh dan Jalan Mohd Salleh, penggantian paip pumping dari Pulau Enoe," katanya lagi. **WK**

Jom Masuk Kampung platform strategik kerajaan dan komuniti setempat

PROGRAM Jom Masuk Kampung yang dianjurkan oleh Jabatan Kemajuan Masyarakat Wilayah Persekutuan (KEMAS) menjadi platform strategik di antara pihak kerajaan bersama komuniti luar bandar dalam memperjelaskan strategi, tindakan perancangan pihak kerajaan dalam membangunkan kampung dan komuniti luar bandar.

Menurut Pengurus Perbadanan Labuan, **Senator Datuk Bashir Alias**, program itu mampu mengerakkan lagi silaturahim di antara pihak kerajaan, pemimpin dan juga masyarakat.

Katanya, selain membina perspektif hidup yang positif dalam kalangan golongan belia melalui

aktiviti gaya hidup sihat dan pembangunan kerohanian.

"Penglibatkan golongan belia dan masyarakat Kampung Sungai Lada ini dilihat sebagai suatu program yang menarik dan mengutamakan gaya hidup sihat.

"Program-program seperti rewang atau kenduri kampung pula dapat menyemarakkan lagi semangat kerjasama dan gotong-royong dalam kalangan belia dan masyarakat kampung untuk bersama-sama menyediakan pelbagai jenis menu untuk santapan semua," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap perasmian Program Jom Masuk Kampung yang diadakan di Kampung Sungai Lada, pada Isnin.

Hadir sama, Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Rithuan Mohd Ismail, Pengarah KEMAS Labuan, Asri Saleh dan pemimpin-pemimpin masyarakat.

Dalam pada itu, Bashir turut merakamkan penghargaan dan ucapan syabas kepada pihak KEMAS dan komuniti Kampung Sungai Lada yang menjayakan program itu.

"Saya berharap program-program yang dianjurkan oleh pihak KEMAS seperti ini dapat membangunkan modal insan yang berkualiti dan berkemahiran, seterusnya dapat menjadikan golongan belia dan masyarakat kita menjadi insan yang berguna untuk negara kita," katanya lagi. **WK**



BASHIR (dua dari kiri) menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang warga Kampung Sungai Lada pada Program Jom Masuk Kampung.

PERADUAN MEWARNA PM188

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKID:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON IBU/BAPA/PENJAGA:

Adik-adik yang berumur 12 tahun ke bawah layak menyertai peraduan ini, asalkan adik-adik adalah warganegara Malaysia.

CARA MENYERTAI:

1. Warnakan terus pada lukisan di atas, atau membuat salinan fotostat dan kemudian mewarnakan di atas salinan tersebut.
2. Boleh menggunakan sebarang jenis alatan mewarna.
3. Setelah siap, minta mak atau ayah rakam gambar lukisan adik-adik berserta biodata diri dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "PERADUAN MEWARNA PM188".
4. Tarikh tutup penyertaan adalah **5 NOVEMBER 2022**.
5. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 190.

3 PENYERTAAN TERBAIK
PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**KEPUTUSAN PERADUAN SANTAI 186**

Berikut adalah senarai nama pemenang bagi Peraduan Mewarna PM186:


NUR SYIFA RIZQIN MUHD RIZALUDDIN
(12 tahun)
PPR Batu Muda, Kuala Lumpur

AZREEL HISYAM ABDUL MANAN
(8 tahun)
Wilayah Persekutuan Labuan

FATIN INSYIRAH AHMAD NAZRI
(11 tahun)
Presint 14, Putrajaya



Karya Adik Nur Syifa Rizqin

TEKA SILANG KATA SK188**MELINTANG**

1. Berpindah untuk menetap di tempat lain
5. Anak Kepada
7. Sesuatu kewujudan tersendiri
8. Wangemas persembahan kepada pengusa
9. Arah mata angin
10. Mahligai
12. Sara hidup

KE BAWAH

1. Lebih kecil daripada atom
2. Giat/bersungguh-sungguh
3. Pasangan raja
4. Resam/peraturan rutin
6. Balasan dosa di dunia
11. Huruf Arab ketiga

NAMA PENUH:

UMUR: NO. MYKAD:

ALAMAT:

.....

NO. TELEFON:

Peraduan silang kata ini terbuka kepada rakyat Malaysia di semua peringkat umur.

CARA MENYERTAI:

1. Isikan perkataan yang tepat pada petak di atas menggunakan pen.
2. Setelah siap diisi, rakam gambar dan biodata diri di atas dengan telefon pintar dan mengirimkan ke e-mel: wilayahku2022@gmail.com dengan tajuk "TEKA SILANG KATA SK188".
3. Tarikh tutup penyertaan adalah pada **5 NOVEMBER 2022**.
4. Pemenang akan diumumkan dalam akbar Wilayahku Bilangan 190.


3 PENYERTAAN PALING TEPAT DAN
TERAWAL PADA SETIAP MINGGU
AKAN MENERIMA BAUCAR
TUNAI BERNILAI RM50.00.

BAUCAR TUNAI SUMBANGAN:
YAYASAN
WILAYAH
PERSEKUTUAN**BaKaT CiLiK**

Hantarkan video bakat anak anda yang berumur **14 tahun ke bawah** tidak kira berbentuk nyanyian, bercerita, bersajak, berlakon atau sebagainya. Peserta yang terpilih akan dipanggil untuk uji bakat dan berpeluang untuk menyertai kumpulan produksi **WILAYAHKU TV**.

Durasi video tidak lebih 3 minit.

E-melkan kepada:
wilayahku2022@gmail.com
Sertakan sekali NAMA PENUH, UMUR, ALAMAT dan NO. TELEFON IBU/BAPA.





KEMENTERIAN PENDIDIKAN



Institut Terjemahan & Buku Malaysia



MAJLIS PELANCARAN BENGKEL PENULISAN CERPEN DAN PENERBITAN ANTOLOGI CERPEN PENULIS CILIK PERINGKAT KEBANGSAAN

Disempurnakan oleh
DR. RADZI JIDIN
Menteri Kanan Pendidikan

29 Oktober 2022 | 8:30 pagi
Dewan SMK Presint 16 (1), Putrajaya





Badut Mat Cun penghibur warga Putrajaya



HAZIRAH HALIM

KERJAYA badut bukanlah sesuatu yang asing namun sehingga ke hari ini stigma dan persepsi masyarakat yang sering memandang rendah terhadap penghibur jalanan ini masih sukar untuk diubah.

Mengakui hal tersebut, badut yang dikenali dengan panggilan Badut Mat Cun atau nama sebenarnya **Mohd Supian Hamsin**, 48, enggan mengambil pusing dengan perkara tersebut asalkan pendapatan yang diperolehi halal untuk menampung keluarga.

Mula terlibat dalam dunia badut sejak tahun 2009, dia mengetepikan soal malu malah rasa bahagia setiap kali mengenakan pakaian berwarna-warni, memakai topeng dan solekan tebal pada wajah.

"Bila saya mulakan kerja dengan memegang belon, saya sudah tak ingat lagi perasaan malu dan sebagainya. Apa yang saya tahu adalah tugas untuk menghiburkan orang ramai dan menambah pendapatan."

"Saya sudah lalu dengan segerintir masyarakat yang berterusan menilai kerjaya ini tiada masa depan, 'busuk' dan sebagainya kerana bagi saya ia adalah satu pekerjaan yang baik dan hanya mereka yang 'kuat' sahaja mampu bergelar badut," ujarnya.

Menariknya, dia tidak meletakkan sebarang harga tetap pada jualan belon sebaliknya hanya

menggunakan konsep sumbangan ikhlas sahaja kerana matlamat utamanya mahu memupuk amalan bersedekah.

"Saya sama sekali tidak memikirkan soal keuntungan kerana saya adalah penghibur yang mana matlamat saya bukan mencari keuntungan semata sebaliknya menceriakan orang ramai.

"Konsep sumbangan ikhlas tersebut mendapat respons positif daripada orang ramai. Dalam masa yang sama, bila saya gunakan konsep ini, *alhamdulillah* rezeki tidak pernah putus," ujarnya.

Berkongsi tentang pengalamannya ketika Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Badut Mat Cun berkata ketika itu dia menjalankan perkhidmatan penghantaran 'Eskem Badut Percuma Belon RM1' kepada

pelanggannya.

"Pada masa itu saya bukan terfikir untuk duit sahaja tetapi saya ingin menceriakan orang ramai yang tertekan ketika menjalani PKP. Namun berkat jualan tersebut saya dapat membeli peti ais baru serta keperluan lain buat isteri dan anak-anak," ujarnya.

Meskipun hanya melakukannya sebagai kerjaya sampingan pada setiap hari Jumaat hingga Ahad bermula pukul 8 malam di food truck Presint 2 namun dia mampu meraih pendapatan mencecah ribuan ringgit sebulan.

"Jumlah tersebut tidaklah tetap, kadang-kadang berubah mengikut hari dan keadaan semuanya bergantung kepada pengunjung terutama kanak-kanak," ujarnya yang mengakui pernah mendapat RM100 untuk sebiji belon daripada pelanggan.

Selain menjual belon di tapak food truck, Badut Mat Cun yang boleh dihubungi menerusi talian **014-322 4286** turut menjalankan perkhidmatan badut pada majlis hari jadi, perkahwinan dan sebagainya.

LATIHAN PERCUMA BUAT BADUT BARU



MOHD Supian (kiri) sedang melayan kanak-kanak yang menanti belon yang direkannya di food truck Presint 2, Putrajaya.

MEMPUNYAI pengalaman 12 tahun dalam dunia badut mendorongnya untuk berkongsi ilmu secara percuma kepada mereka yang ingin menceburinya dunia penghibur tersebut.

Katanya, perkongsian ilmu ini diberikan bukan sahaja melatih seseorang menjadi badut untuk menjana pendapatan tetapi memberi keyakinan untuk berhadapan dengan orang ramai selain menjana pendapatan tetap mahupun sampingan.

"Kalau di luar mungkin perlu bayar tapi dengan saya percuma sahaja dan mereka akan mempelajari perkara asas seperti gubahan belon, cara untuk memikat hati pengunjung dan sebagainya.

"Permulaannya, saya akan meminta mereka untuk berpakaian badut lengkap berserta solekan untuk menguji mereka sama ada malu atau tidak," katanya yang kini sudah melatih lima orang badut sehingga berjaya. **WK**



SELAIN berada di food truck Presint 2, Supian turut menjalankan perkhidmatan badut pada majlis hari jadi, perkahwinan dan sebagainya.

Mahu lengkapkan kerjaya sukan

Zaimah idam ke temasya Sukan Olimpik

SABRINA SABRE

TERPILIH menyertai Kejohanan Remaja Asia 2018 di Jepun dalam acara 400 meter (m) empat tahun lalu menjadi pembakar semangat Zaimah Atifah Zainuddin, 23, untuk terus aktif dalam sukan olahraga.

Malah pengalaman yang dikutip sepanjang kejohanan tersebut banyak membuka matanya untuk memperbaiki kelemahan dalam acara sukan yang diminati sejak berumur sembilan tahun itu.

Menurutnya, untuk menjadi atlet cemerlang dan bertaraf dunia, pendedahan yang berterusan terhadap latihan di luar negara sedari awal sangat memainkan peranan yang penting.

"Ini kerana atlet itu akan dide dahkan kepada persekitaran yang lebih mencabar dengan sokongan kemajuan dan teknologi yang seiring dengan peningkatan prestasi diri atlet itu sendiri.

"Bukanlah bermakna kemudahan



dan kepakaran sedia ada dalam negara tidak dapat menampung keperluan atlet tetapi dengan adanya sokongan dan kepakaran dari luar negara, beberapa perkara dapat kita kuasai dengan cepat," ujarnya kepada *Wilayahku*.

Ditanya tentang caranya untuk mengekalkan fokus setiap kali menyertai kejohanan, atlet Wilayah Persekutuan ini memaklumkan dia amat mementingkan tidur yang berkualiti pada setiap hari.

"Setiap orang mempunyai cara tersendiri. Bagi saya, kunci utama adalah tidur yang sekutupnya antara tujuh hingga lapan jam selain mengamalkan pemakanan yang seimbang serta membuat latihan fizikal untuk lebih cergas," kongsinya.

Mula bergiat aktif dalam olahraga sejak tahun 2016, Zaimah yang juga merupakan pelajar jurusan Ijazah Sains Sukan di Universiti Malaya (UM) memasang impian untuk mencipta kejayaan unggul dalam dunia olahraga antarabangsa.



AKSI Zaimah (kanan) dalam Kejohanan SUKMA 2018 di Perak.

"Sebagai atlet, kita perlu ada inisiatif sendiri untuk berjaya dan tidak hanya mengharapkan latihan daripada jurulatih semata-mata.

Selain daripada itu, saya juga turut mempersiapkan diri dari segi mental agar tidak gentar semasa berada di padang," ujarnya.

Pencapaian Zaimah

2022 - SUKMA XX MSN
- Emas (4x400m), Tempat ketiga (400m)

2019 - Malaysia Open Grand Prix - Tempat kedua

2018 - SUKMA - Emas (400m berpagar), Tempat kedua (400m)

2018 - Asian Junior Athletics Championships
- Tempat keempat

Tambahnya lagi, jika diizinkan dia ingin melayakkan diri ke temasya Sukan Olimpik dan menyumbang emas sekali gus menggembirakan keluarga yang sentiasa setia berada di sisi.

"Sukan Olimpik adalah sukan terbesar dalam dunia sukan. Jika saya tidak dapat beraksi pada pentas itu saya tidak akan merasa lengkap dalam kerjaya sukan," ujar anak kedua daripada tiga orang adik-beradik ini. **WK**

PRU15 tidak jejas penganjuran Para SUKMA 2022 - MPM

KEHANGATAN Pilihan Raya Umum ke-15 (PRU15) tidak akan menjejaskan penganjuran temasya Para Sukan Malaysia (Para SUKMA) 2022 yang dijadual berlangsung di sekitar Lembah Klang bermula 1 hingga 6 November ini.

Presiden Majlis Paralimpik Malaysia (MPM), **Datuk Seri Megat D Shahriman Zaharudin** berkata kesemua perancangan kini rancak dilakukan oleh Kementerian Belia dan Sukan serta Majlis Sukan Negara (MSN) bagi menghadapi temasya sukan tersebut.

"Walaupun musim pilihan raya, ia tidak beri kesan (penganjuran Para SUKMA), apa yang dirancang akan diteruskan dan segalanya sedang berjalan lancar," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyampaian Amanat Temasya Sukan Asia Virtus Oceania, Brisbane 2022.

Beliau berkata penganjuran Para SUKMA kali ini sangat penting dalam meneroka bakat baharu selain menyediakan platform untuk atlet selepas kali terakhir di anjurkan pada edisi 2018 di Perak.

Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada 20 Oktober lepas menetapkan 19 November sebagai tarikh pengundian bagi PRU15. Tarikh



MEGAT D SHAHRIMAN

penamaan calon ditetapkan pada 5 November manakala pengundian awal pada 15 November.

Dalam pada itu, Megat D Shahriman memaklumkan 19 anggota terdiri daripada 11 atlet berumur dalam lingkungan 18 hingga 30 tahun dan lapan pegawai akan mewakili negara pada penampilan sulung kontinen negara di Sukan Asia Virtus Oceania di Australia pada 5 hingga 11 November.

"Kesemua mereka dijangka bertolak pada 4 November dan pulang pada 12 November. Malaysia akan menyertai tiga daripada 14 jenis sukan ditawarkan iaitu olahraga, renang dan pingpong," katanya.

Beliau berkata pihaknya tidak menetapkan sebarang sasaran pingat dalam temasya sukan rantaui Asia dan Oceania di Brisbane itu kerana enggan memberi tekanan kepada atlet, namun berharap mereka melayakkan diri ke peringkat sedunia dikenali Virtus Global Games yang akan diadakan di Vichy, Perancis tahun depan.

Virtus adalah sebuah badan antarabangsa yang dahulunya dikenali sebagai Persekutuan Sukan Antarabangsa untuk Orang Kurang Upaya Intelek (INAS). - **BERNAMA**

Sukan pupuk persepakatan, pemegang taruh dan komuniti Putrajaya

DIANA AMIR

LEBIH 1,000 peserta menyertai Kejohanan Sukan Piala Presiden Perbadanan Putrajaya Peringkat Komuniti 2022 yang bertempat di Kompleks Sukan Taman Pancarona, Presint 18, Putrajaya, baru-baru ini.

Penganjurannya diharapkan dapat mengukuhkan persepakatan Perbadanan Putrajaya (PPj) dengan warga komuniti dan pemegang taruh Putrajaya selain menjadi medium terbaik untuk menambahkan elemen keceriaan.

Menurut Presiden Perbadanan Putrajaya, **Datuk TPr Fadlun Mak Ujud**, kejohanan tersebut mampu memeriahkan komuniti setempat serta dalam masa yang sama menggalakkan gaya amalan hidup sihat.

"Banyak yang kita perolehi daripada penganjuran kejohanan ini selain daripada tujuan utama kejohanan itu sendiri untuk mencungkil bakat baharu seterusnya digilap bagi mewakili Putrajaya ke peringkat lebih tertinggi.

"Sudah tentu sepanjang ia berlangsung, akan melibatkan interaksi sosial, persefahaman selain peserta juga dapat menunjukkan bakat, keupayaan serta potensi diri," ujar beliau menyatakan edisi kali



SEPAK takraw antara sukan yang dipertandingkan pada Kejohanan Sukan Piala Presiden Perbadanan Putrajaya Peringkat Komuniti 2022.

ini dihadkan kepada warga komuniti Putrajaya termasuk kakitangan agensi kerajaan maupun swasta di Putrajaya.

Tambah beliau lagi, kejohanan sukan peringkat Komuniti Putrajaya akan di-

teruskan lagi penganjurannya pada tahun akan datang dengan kepelbagaiannya jenis sukan yang akan dipertandingkan serta penyertaan lebih ramai dalam kalangan komuniti Putrajaya.

Terdahulu, PPj menawarkan sebanyak RM24,000 hadiah untuk tempat ketiga dan keempat membawa pulang wang tunai RM500. **WK**

serta piala pusingan dan medal pemenang yang mempertandingkan empat jenis sukan iaitu futsal, sepak takraw, bola jaring dan bola tampar.

Kejohanan yang bermula seawal pukul 8 pagi hingga 6 petang itu disertai 67 pasukan.

Johan membawa pulang wang tunai sebanyak RM2,000 dan medal, naib johan pula membawa wang tunai RM1,000 manakala tempat ketiga dan keempat membawa pulang wang tunai terkumpul ber-



Zaimah idam ke temasya
Sukan Olimpik

► 23

SWCorp pupuk amalan 3R

Budaya kebersihan di pejabat

SABRINA SABRE

BUDAYA kitar semula dan pengasingan sisa merupakan salah satu langkah proaktif yang boleh membantu mengurangkan janaan sisa buangan di tempat pelupusan sampah.

Bagi menggalakkan lagi amalan itu, pihak Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mengambil inisiatif menyumbangkan satu set tong kitar semula kepada Institut Sains Biologi (ISB), Universiti Malaya sempena Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan Di Pejabat baru-baru ini.

Menurut Pengarah SWCorp, **Ummi Kalthum Shuib**, Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan Di Pejabat ataupun Pejabat Sifar Sisa (PESIS) giat dilaksanakan pihaknya bertujuan untuk memastikan bahawa sisa pepejal di pejabat dapat diminimumkan dan diurus dengan baik.

"Aktiviti kitar semula perlu dibudayakan agar penjanaan sisa dan kos pengurusan sisa pepejal dapat dikurangkan di samping memberi pendedahan kepada pelajar bagaimana pihak SWCorp melaksanakan kempen kesedaran alam sekitar dan membudayakan amalan menjaga alam sekitar dalam kalangan komuniti seperti di universiti," katanya.

Di samping itu, Ummi Kalthum memaklumkan program ini juga secara tidak langsung memberi idea kepada pelajar tentang komitmen kerajaan terhadap kepentingan alam sekitar dan amalannya demi kelestarian di Malaysia.

"Sebelum ini pihak SPAS telah menjalin-



PENGARAH SWCorp WPKL, Ummi Kalthum Shuib (tengah, tudung warna pink) dan Dr Rosazlin Abdullah (tengah, baju hijau) dan Profesor Dr Suffian Annuar (tengah, kemeja kotak) bersama pelajar-pelajar Universiti Malaya sempena Kempen Pembitaraan Amalan 3R dan Budaya Kebersihan Di Pejabat baru-baru ini.

kan kerjasama dengan pihak SWCorp dari pelbagai aspek antaranya program komuniti, program penyelidikan termasuk melatih serta membimbing pelajar-pelajar SPAS ketika menjalani latihan industri.

"Oleh itu, saya berharap pihak ISB dapat mewakili pihak Universiti Malaya untuk mengerakkan pembudayaan amalan kitar semula dalam kalangan warga universiti," tambahnya.

Sementara itu, Penyelaras Program SPAS Institut Sains Biologi, Universiti Malaya, **Dr Rosazlin Abdullah** memberitahu program tersebut telah ditawarkan struktur mod terbaru iaitu Mod 3uli dan pengambilan pertama kuliah telah pun bermula pada 17 Oktober lalu.

"Ia bermatlamat untuk melahirkan

graduan yang cekap dalam bidang sains alam sekitar, pengurusan dan dasar. Oleh itu, pelajar perlu menjalani latihan industri yang komprehensif selama dua semester pada tahun akhir sebagai persediaan menghadapi cabaran dunia sebenar.

"Pihak ISB sentiasa mengalu-alukan kerjasama berterusan bersama SWCorp dan juga industri berkaitan untuk latihan industri tersebut untuk memastikan pelajar-pelajar kita bersedia menempuh bidang industri alam sekitar selepas bergraduasi kelak."

"Diharapkan dengan adanya satu set tong ini di ISB dapat memberi kesedaran, motivasi dan menggalakkan Amalan 3R (*reduce, reuse, recycle*) dan Budaya Kebersihan Di Pejabat dalam kalangan kakitangan serta pelajar-pelajar di UM," ujarnya. WK

Laluan PJ ke Bangsar melalui SPRINT ditutup mulai 29 Oktober

LALUAN dari Petaling Jaya menghala Bangsar dan Jalan Maarof melalui Lebuhraya Sistem Penyuraian Trafik KL Barat (SPRINT) akan ditutup sepenuhnya bermula 29 Oktober ini.

Unit Media di Jabatan Perancangan Korporat Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) melalui kenyataan berkata penutupan itu bertujuan memberi laluan kepada kerja perobohan dan pembinaan jejak bat sedia ada di Jalan Johar di Bangsar.

Justeru, dalam tempoh penutupan, semua aliran trafik menghala Bangsar akan dilencongkan. WK



LALUAN Petaling Jaya ke Bangsar akan ditutup bermula 29 Oktober ini untuk kerja-kerja pembinaan jejak bat.

Syafiq Kyle lebam demi seni silat Siku 12

DEEL ANJER

PELAKON Syafiq Kyle menganggap sudah menjadi lumrah apabila seseorang pelakon mengalami kecederaan fizikal demi menjayakan watak aksi.

Demi Filem Siku 12: Langkah Derhaka terbitan Power Team Entertainment Sdn Bhd, Syafiq akui mengalami lebam-lebam di kaki dan tangan serta benjol di kepala kerana terhantuk ketika menjayakan babak pertarungan di gelanggang.

Menurut Syafiq atau nama sebenarnya **Mohd Syafiq Shamim Abdul Razak**, 30, kecederaan kecil yang dialaminya itu adalah tanda dirinya sentiasa memberikan yang terbaik serta sanggup mencabar diri dalam filem yang mempertaruhkan seni silat Siku 12.

"Sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dulu, saya memang menghabiskan masa bersenam dan berlatih di gimnasium. Disebabkan itu, saya tiada masalah dari aspek stamina dan kecerga-

san untuk melakonkan babak pertarungan sebagai peninju," katanya.

Berkongsi cabaran, kata Syafiq dia bersyukur memiliki asas dalam seni mempertahankan diri Muay Thai yang diminati sejak dulu.

"Selain ada asas seni Muay Thai, saya juga berlatih dengan guru seni silat Siku 12 dari Pulau Pinang sebelum memulakan penggambaran," ujarnya.

Dalam filem genre aksi arahan Azhari Zain itu, Syafiq bergandingan dengan aktor terkenal, Zahril Adzim selaku teraju utama.

Ia dimantapkan dengan penampilan barisan pelakon seperti Moon, Lobak dan Datuk Tuan Asmawi Tuan Umar serta dibantu oleh Pon Muay Thai, Anas Mentor, Shahmey Odd, Pak Salleh, Chiang, Azman Ahmad dan Bai Chot.

Mengenai gandingan dengan Zahril pula, kata Syafiq ia merupakan kali pertama dia bekerjasama dengan pelakon senior itu.

"Zahril juga ada asas dalam seni silat dan saya juga tiada masalah untuk mendapatkan

keserasian berlakon dengannya. Dia bukan sahaja pelakon senior yang berpengalaman tetapi juga kelakar ketika di lokasi," ujarnya.

Antara cabaran lain, kata Syafiq dia perlu menguasai dialek Kedah untuk menjawai watak utama sebagai Atid dalam filem itu.

Filem Siku 12: Langkah Derhaka yang baru sahaja ditayangkan di pawagam seluruh Malaysia bermula 27 Oktober ini mengisahkan Atid dan A Wut bereturunam Siam adalah dua sahabat baik tinggal di Kampung Siam, Pendang, Kedah. WK



SYAFIQ KYLE (kiri) bersama Penerbit Eksekutif filem Siku 12, Hafiz Nafiah.